

# info



AGENCI DI BAWAH  
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
KOPERASI DAN KEPENGUSAHAAN

BIL 1/2017 ISSN: 0127-1023

LATIHAN INOVATIF KOPERASI PROGRESIF



## Majlis Malam Perdana Sempena **ULANG TAHUN MKM KE-60**

PENGHASILAN  
MAKANAN RUMINAN  
BANTU PENTERNAK  
JIMATKAN KOS **14**

KURSUS  
PENGURUSAN  
FRAUD AKTIVITI  
KREDIT **22**

**30** KERJASAMA ANTARA  
KOPERASI  
REALISASIKAN  
PRINSIP KOPERASI  
KE-6

**36** MAJLIS PERASMIAN  
KAMPUS MKM ZON  
TIMUR





EVOLUTION  
OF COOPERATIVE  
EDUCATION



## PENDAFTARAN KINI DIBUKA



DAFTAR  
SEKARANG



TAJAJAN PENGINAPAN  
1 TAHUN



TAJAJAN PENGGUNAAN  
iPAD MINI



SKIM LATIHAN KERJAYA  
KOPERASI

### Program yang ditawarkan

- A-Level  
MQA (11 600-1/1/2/3/4)
- Asasi Sastera
- Diploma Pengurusan Koperasi  
(MKA (MAREC))
- Diploma Pengajian Perniagaan
- LCCI International Qualifications
- BTEC-HND in Business

### Program kemahiran

- Pakar Keusahawanan Estetik Terapi (PATE) - Beaubelle
- Kimpalan - IMM (3G)
- Juruteknik Sistem Komputer  
(IT 030-3)
- Sijil keusahawanan - Segi University
- Pengurusan perniagaan - Westgate
- Pearson Versant English Placement test

### TENTANG KOLEJ

Kolej iCOOP merupakan subsidiari milik penuh Maktab Koperasi Malaysia, sebuah agensi kerajaan di bawah KPDNKK.



**+6019-293 6552**

Alamat : No 21, Wisma IEM, Jalan Selangor 46050 Petaling Jaya Selangor.

Pengiktirafan :



Kerjasama :



NAMA <jarak> RESULT <jarak> NoKP  
& SMS KE 011-2917 6552

REGISTER NOW



Online Application  
**www.icoop.edu.my**

# Dari Meja KETUA PENGARAH

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera**

Alhamdulillah dan syukur ke hadrat Illahi yang memberi kesempatan untuk kita bertemu lagi dalam naskah INFO bagi tahun 2017. Di kesempatan ini, saya berdoa tahun 2017 akan membawa lembaran dan imej baru buat MKM.

Tahun 2016 membawa seribu makna dan kenangan manis kepada warga MKM dengan terlaksananya pelbagai program sambutan Ulang Tahun MKM ke-60. Sepanjang 60 tahun kewujudannya, kita telah menyaksikan pelbagai kemajuan latihan dan pendidikan koperasi dicapai seiring dengan perkembangan dan keperluan semasa gerakan koperasi. Banyak rintangan dan dugaan telah ditempuhi untuk MKM berjaya sampai ke tahap ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada seluruh warga MKM yang berkhidmat dan berjasa kepada MKM. Begitu juga sokongan yang telah diberikan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), ANGKASA dan gerakan koperasi selama ini.

Saya berharap MKM akan terus memainkan peranannya di tahun 2017 dengan menyediakan lebih banyak perkhidmatan yang berasaskan ilmu pengetahuan kepada komuniti koperasi di samping mengukuhkan pencapaian modal insan dan memacu kejayaan anggota koperasi dalam mencapai sasaran Dasar Koperasi Negara. MKM akan sentiasa menitikberatkan pembangunan program latihan dan pendidikan yang komprehensif, relevan dan dinamik, sejajar dengan keperluan masa kini bagi meningkatkan sosioekonomi anggota dan gerakan koperasi.

Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu ini, penting adanya kerjasama di antara warga kerja dengan pengurusan bagi menghasilkan keputusan yang tepat dan strategik. Pelaksanaan program latihan dan pendidikan MKM tahun 2017 yang dibentuk dengan baik mampu membantu kumpulan sasaran khususnya koperator menghadapi kos sara hidup yang meningkat. Manakala, komuniti koperasi pula harus bersedia menghadapi pelbagai cabaran serta berusaha meningkatkan jati diri dan daya saing melalui ilmu pengetahuan.

Bagi memenuhi aspirasi rakyat dan koperator di tahun 2017, MKM akan menganjurkan pelbagai program yang berkaitan kepentingan bidang koperasi dan menerbitkan lebih banyak bahan pendidikan koperasi. Selain itu, MKM berusaha membantu meningkatkan keupayaan koperasi melalui khidmat nasihat di samping penyelidikan berkaitan koperasi.

Akhir kata, saya menyeru kepada seluruh komuniti koperasi di Malaysia untuk bersama-sama berusaha memartabatkan gerakan koperasi sebagai wadah penting dalam pembangunan negara dan generasi koperasi masa hadapan.

Sekian dan terima kasih.

**Prof. Madya Dr. Abdul Rahman bin Abdul Razak Shaik**  
Ketua Pengarah  
Maktab Koperasi Malaysia



# Sidang Redaksi

## PENASIHAT

**YBhg. Prof. Madya Dr. Abdul Rahman bin Abdul Razak Shaik**  
Ketua Pengarah

## KETUA EDITOR

**Pn. Hjh. Julia Bee binti Ramjan**  
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)

## EDITOR

**En. Nasharuddin bin Mohd. Ali**  
Pengarah Unit Komunikasi Korporat

## WAKIL SEKTOR/PUSAT/ZON/BAHAGIAN/UNIT

**Pn. Salwana Ali**  
Sektor Perkhidmatan Kewangan

**En. Mohd Faisal Shariff**  
Sektor Perladangan dan Asas Tani

**Pn. Ayu Diana Awang**  
Sektor Hartanah (Perumahan) dan Industri Pembinaan

**Pn. Noor Shafeeza bt. Zainuddin**  
Sektor Pemborongan dan Peruncitan

**En. Muhammad Afnan Hasim**  
Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan

**En. Asha' ari Arshad**  
Pusat Penyelidikan dan Konsultasi

**Pn. Nur Syazwani Zainul Abidin**  
Pusat Teknologi Maklumat

**Cik Dinah Nabilah Mokhtaruddin**  
Pusat Dasar dan Antarabangsa

**Pn. Nor Fadhilah Mohd**  
Pusat Pembangunan Komuniti

**Pn. Rohalinda Ahad**  
Zon Tengah

**Pn. Yusnita Othman**  
Zon Utara

**Cik Nur Hafieza Hashim**  
Zon Timur

**En. Ahmad Faizal Ahmad Shaarani**  
Zon Selatan

**En. Jaibit Jaudin**  
Zon Sabah

**Pn. Syarifah Rohaya Wan Idris**  
Zon Sarawak

**Pn. Noor Fadzillah Zulkepli**  
Unit Komunikasi Korporat

## PENYELARAS

**Pn. Afiza Abdul Karim**  
Unit Komunikasi Korporat

**Cik Nik Zyaswanie Nur Aqilah Abd Wahab**  
**Cik Siti Arafah Md. Nawawi**  
Skim Latihan Kerjaya Koperasi (SLKK)

## PENCETAK

**Giga Wise Network Sdn Bhd**  
No. 74, Jalan Kapar 27/89  
HICOM Heavy Industrial Park,  
Seksyen 27  
40400 Shah Alam  
Selangor



## Eksklusif

- 6 Majlis Makan Malam Perdana MKM 60 Tahun

## Fokus

- 8 Seminar Gempak Niaga Peruncitan Koperasi 2016
- 10 Seminar Antarabangsa 2016  
Cooperatives: Empowering Communities  
Towards Socio-Economic  
Sustainability
- 11 Hartanah Lelong:  
Peluang Pelaburan Koperasi

- 13 Impak *Mobile Apps* Kepada Koperasi

## Perspektif

- 14 Penghasilan Makanan Ruminan  
Bantu Penternak Jimatkan Kos
- 16 Kursus Peningkatan Keterampilan  
Diri Beri Keyakinan Kepada Belia
- 18 Pemprosesan Baja Organik  
Tinja Haiwan Ternakan Dan Probiotik EM
- 20 Kursus Penyediaan Pakej  
Pelancongan *Historical*
- 22 Kursus Pengurusan Fraud Aktiviti Kredit

# KANDUNGAN



- 23 Program Pemborongan Koperasi Guangzhou, China
- 25 Kursus Pengurusan Operasi Ar-Rahnu
- 27 Penyediaan Pakej Pelancongan Luar Negara - Vietnam

## Jaringan

- 30 Kerjasama Antara Koperasi Realisasikan Prinsip Koperasi Ke-6

## Lawatan

- 31 Lawatan Pelajar Sekolah Ke MKM
- 32 Program Lawatan Songkhla Nakarin University Service Cooperative Ltd.

## Berita Zon

- 33 Revolusi Komunikasi Dalam Koperasi
- 34 Seminar Integriti Halal: Bersediakah Koperasi? & Majlis Makan Malam Sempena Sambutan 60 Tahun MKM Peringkat Zon Utara

- 36 YB Menteri KPDNKK Rasmikan Kampus MKM Zon Timur
- 37 Karnival Jualan Mega 2016 Dan Bicara Ilmu: Potensi Niaga Pemborongan Dalam Dan Luar Negara Untuk Koperasi
- 38 Seminar "Koperasi Ke Arah Negara Maju" Dan Sambutan Jubli Intan Peringkat Zon Sabah
- 40 Kejohanan Bowling Dan Petanque (Terbuka) Piala Ketua Pengarah MKM 2016
- 41 Seminar "Jutawan Internet: Peluang Koperasi"

## Buletin Pelajar

- 43 Sembang Santai: Belia Penggerak Koperasi





## Majlis Malam Perdana Sempena ULANG TAHUN MKM KE-60

**Nasharuddin Mohd Ali**  
Pengarah Unit Komunikasi Korporat

Tanggal 13 November 2016 menjadi hari bersejarah apabila Maktab Koperasi Malaysia (MKM) mencapai usia 60 tahun penubuhannya. Meniti usia 60 tahun, pelbagai pencapaian dan kemajuan telah dilaksanakan oleh MKM dalam memastikan kewujudannya terus kekal relevan dalam gerakan koperasi. Sebagai pusat kecemerlangan latihan dan pendidikan koperasi negara, MKM bertanggungjawab melestarikan kepentingan ilmu pengetahuan dan penyelidikan dalam memperkasakan pembangunan modal insan koperasi.

Untuk menjadi sebuah pusat latihan dan pendidikan koperasi yang unggul, MKM telah banyak merentasi perubahan serta menghadapi pelbagai cabaran sejak penubuhannya. Sejak itu, MKM berjaya membawa perubahan yang positif dalam pembangunan latihan dan pendidikan khususnya dalam gerakan koperasi. Manakala, pembangunan produk dan

perkhidmatan turut menjadi agenda utama bagi pelaksanaan transformasi MKM hingga ke hari ini.

Program sambutan Ulang Tahun MKM ke-60 telah bermula pada November 2015 dengan Pertandingan Mencipta Logo dan Slogan Ulang Tahun dan diikuti dengan pelbagai program yang menarik di sepanjang tahun 2016. Antara program yang telah dilaksanakan ialah Majlis Doa Selamat dan Kesyukuran, Konvensyen, Seminar, Pertandingan Bola Sepak Piala Ketua Pengarah, Hari Integriti dan Inovasi, Kembara Koperasi PJ-Cameron, Pertandingan Video Pendek, Perasmian Kampus Zon Timur, Ceramah Perdana, Larian Jubli Intan, Karnival Usahawan Koperasi dan penubuhan 'Galeria MKM'.

Acara kemuncak program sambutan Ulang Tahun MKM diakhiri dengan Majlis Malam Perdana yang diadakan pada 11 November

2016 di Dewan Tun Dr Ismail, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) bagi meraikan kelangsungan dan pencapaian MKM selama 60 tahun. Matlamat penganjuran Majlis Malam Perdana ini adalah sebagai tanda penghargaan MKM kepada individu-individu yang banyak berjasa kepada MKM dan gerakan koperasi serta kepada warga kerjanya.

Majlis ini telah disempurnakan oleh YB. Dato' Seri Hamzah Zainudin, Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Turut hadir bagi memeriahkan majlis tersebut adalah YBhg. Dato' Sri Jamil Salleh, Ketua Setiausaha KPDNKK bersama YBhg. Dato' Basaruddin Sadali, Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan Dalam Negeri) KPDNKK dan YBhg. Dato' Haji Razali Othman, Timbalan Ketua Setiausaha (Kepenggunaan dan Pengurusan) KPDNKK. Majlis Malam Perdana ini turut dihadiri oleh seramai 500 orang yang terdiri dari wakil-wakil KPDNKK, agensi di bawah KPDNKK, ANGKASA, koperasi, peserta-peserta seminar koperasi antarabangsa dan warga MKM sendiri.

Majlis pada malam itu diserikan dengan persembahan kesenian tradisional dari pelajar-pelajar ASWARA di samping pelancaran buku 'coffee table' sambutan Ulang Tahun MKM ke-60 oleh YB. Dato' Seri Hamzah Zainudin. MKM turut menghargai bekas warga kerja MKM yang banyak berjasa dalam memartabatkan pembangunan modal insan dan juga merupakan tokoh-tokoh terkenal dalam gerakan koperasi. Antara tokoh-tokoh tersebut ialah Pn Hjh Armi Zainuddin (Anugerah Kepimpinan Pendidikan Koperasi), Dr. Hajah Hayati Md Salleh (Anugerah Akademik Koperasi) dan Pn. Norwatim Haji Abd Latiff (Anugerah

Transformasi Latihan Koperasi). Selain itu, MKM juga menganugerahkan beberapa koperasi melalui kategori Anugerah Koperasi Lestari Modal Insan dan antara koperasi yang menerima anugerah tersebut ialah Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad (Kategori Koperasi Besar), Koperasi Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (Kategori Koperasi Sederhana) dan Koperasi Kakitangan Jabatan Pengangkutan Jalan, Negeri Terengganu (Kategori Koperasi Kecil & Mikro).

Selain itu, YB. Dato' Seri Hamzah Zainudin turut melancarkan senaskah buku terbitan MKM yang bertajuk 'Hayati Nilai Koperasi Semaikan Budi' tulisan YB. Budiman Mohd Zohdi dan Dr. Hayati Md Salleh. Buku tersebut telah menerima penganugerahan Buku Negara bagi kategori Buku Keusahawanan Terbaik Tahun 2016.



**Acara memotong kek Sambutan Jubli Intan MKM, oleh Ketua Pengarah MKM bersama tetamu kehormat**



## Seminar GEMPAK NIAGA PERUNCITAN KOPERASI 2016

**Norsyeirawani bte Shari**  
Sektor Pemborongan Dan Peruncitan

Pemborongan dan peruncitan merupakan salah satu aktiviti penting yang memberi sumbangan utama dalam pertumbuhan ekonomi di Malaysia. Sehubungan itu Sektor Pemborongan dan Peruncitan MKM mengambil inisiatif menganjurkan seminar “Gempak Niaga Peruncitan Koperasi 2016” bagi membantu koperasi memperkasa aktiviti peruncitan agar dapat bersaing dan terus kekal relevan dalam pasaran. Seminar peruncitan yang julung kali diadakan ini telah berlangsung pada 8 September 2016, bertempat di TH Hotel & Convention Centre, Alor Setar, Kedah.

Sambutan daripada koperator amat memberangsangkan. Peserta yang hadir datang dari Melaka, Selangor, Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Perlis dan Kedah dengan kehadiran peserta seramai 125 orang, memenuhi dewan seminar pada hari tersebut.

Seminar kali ini diserikan lagi dengan kehadiran YB Dato' Ku Abd Rahman bin Ku Ismail, Pengerusi Jawatankuasa Industri dan Pelaburan, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Koperasi, Kedah bagi menyempurnakan majlis perasmian seminar. Memetik ucapan perasmian yang disampaikan, beliau menekankan tentang kepentingan latihan dan pendidikan dalam koperasi jika ingin terus maju dan kekal bersaing dalam pasaran perniagaan global. Beliau juga mengharapkan para koperator yang hadir akan memanfaatkan perkongsian ilmu dan tips untuk berjaya dalam peruncitan yang disampaikan oleh penceramah jemputan.

Seminar ini menjadi platform perkongsian ilmu dalam memperkasa koperasi yang melibatkan diri bidang peruncitan. Seramai empat orang penceramah jemputan yang

pakar dalam industri peruncitan dijemput bagi mengupas topik-topik yang diberikan. Sebagai sesi pembuka tirai seminar, koperasi sebagai Game Changer telah disampaikan oleh En. Mohd Firdaus b. Hussin, Ketua Sektor Pemborongan dan Peruncitan Suruhanjaya Koperasi Malaysia ( SKM ). Sebagai badan penyelia koperasi, beliau menyentuh aspek berkaitan perancangan dasar SKM dalam membantu koperasi peruncitan dengan melantik sektor peneraju peruncitan di setiap negeri.

Sesi 2; Strategi Perniagaan dalam Pasaran Tenat, disampaikan oleh En. Hazrul Nizam b. Bukhari, Ketua Perancangan Korporat, Kewangan dan Pentadbiran, Koperasi Khairat Warga Yapeim Berhad. Dalam sesi ini, penceramah berkongsi pengalaman dan strategi yang perlu dilakukan oleh koperasi Yapeim dan langkah yang perlu dilakukan dalam merebut peluang dalam pasaran tenat.

Perkongsian En. Mohd Syaiful b. Mohamad Suwarno, penceramah bagi sesi 3 adalah mengenai Teknik Rundingan Berkesan dan Kesetiaan Pelanggan. Sesi ini mengupas teknik

rundingan yang perlu dilakukan koperasi dalam mendapatkan sumber bekalan dari pembekal dengan harga yang kompetitif. Penceramah juga berkongsi pengetahuan tentang membina kesetiaan pelanggan membeli di kedai runcit koperasi.

Bagi sesi terakhir tiga, orang panel pembentang telah mengupas isu Bagaimana Koperasi Menyahut Cabaran Semasa. Panel bagi forum ini diwakili oleh En. Mohd Firdaus b. Hussin (SKM), En. Hazrul Nizam b. Bukhari (Yapeim) dan En. Ahmad Takhiruddin b Ghazali (SKOMK). Moderator bagi sesi ini adalah En Mohd Zaib b. Mat Yunus, Pengarah Sektor Pemborongan dan Peruncitan MKM.

Program ini diharap dapat menambah pengetahuan dan kesedaran koperator mengenai peranan koperasi dalam membantu anggota dan masyarakat menangani isu peningkatan kos sara hidup melalui perniagaan peruncitan. Perkongsian teknik teknik rundingan yang efektif dan kemahiran memikat pelanggan diharap dapat membantu koperasi memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan dan secara tidak langsung akan membantu meningkatkan jualan koperasi.



**Antara peserta Seminar yang hadir, sedang tekun menerima ilmu**



# Seminar Antarabangsa 2016

## Cooperatives: Empowering Communities Towards Socio-Economic Sustainability

**Haslinda Sujak** (Pusat Dasar & Antarabangsa)

Terdapat banyak contoh kes koperasi di serata dunia yang membuktikan bahawa koperasi menjadi suatu keperluan bagi kesejahteraan kehidupan manusia sejagat dan kewujudannya telah memberi manfaat kepada banyak kelompok komuniti di negara-negara membangun mahupun negara-negara sedang membangun. Justeru, pada 10 hingga 11 November 2016 yang lalu satu Seminar Koperasi Antarabangsa bertajuk "Cooperatives: Empowering Communities towards Socio-Economic Sustainability" telah dianjurkan oleh MKM.

Seminar ini mengangkat isu impak pembangunan komuniti oleh perusahaan koperasi agar peserta dapat menimba pengetahuan daripada beberapa koperasi yang berjaya membangunkan komuniti setempat masing-masing.

Seramai 135 orang peserta daripada kalangan pemimpin koperasi dalam dan luar negara telah menghadiri seminar ini. Peserta koperasi dari luar negara mewakili negara Indonesia, Thailand, Filipina, Vietnam, Nepal, India dan Morocco. Sebanyak enam sesi pembentangan telah berlangsung dengan jemputan dari negara Jepun, Thailand dan Filipina. Manakala pembentangan dari Malaysia pula diwakili oleh Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Bhd, Koperasi Pelancongan Mukim Batu Puteh Kinabatangan Bhd. dan Koperasi Iskandar Malaysia (imCoop) Bhd.

Seminar ini antara lain menekankan bahawa koperasi perlu mempertingkatkan keusahawanan dan mewujudkan pekerjaan agar pertumbuhan dapat dijana bagi manfaat anggota dan masyarakat. Model koperasi pekerja adalah contoh yang baik



YBhg. Datuk Ir. Mansor bin Musa, penceramah dari Koperasi Tunas Muda Sg. Ara

membolehkan golongan muda mengumpul sumber kewangan dan pengetahuan bagi memajukan koperasi.

Selain itu, koperasi digalakkan membantu menyediakan kemudahan perubatan kesihatan yang semakin diperlukan oleh masyarakat. Kos yang semakin meningkat dan kesukaran untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan dan perubatan jelas membebaskan masyarakat.

Penubuhan rantaian runcit oleh koperasi amat dialukan. Usaha ini dapat memenuhi keperluan masyarakat dengan faedah seperti pilihan barangan yang lebih luas dan barangan pengguna serta produk makanan yang ditawarkan adalah pada harga yang lebih kompetitif.

Kewujudan koperasi memberi manfaat kepada anggota dan masyarakat bukan sahaja dari segi pengagihan pendapatan dan mengurangkan kemiskinan.



Penceramah dari Jepun, Mr. Yukido Abe, Co-op Consultant, Institute for Development of Agricultural Co-operation in Asia (IDACA)

Aktiviti perniagaan koperasi yang melibatkan penyertaan masyarakat seperti pelancongan inap desa dapat memberi peluang kehidupan yang lebih selesa kepada penduduk tempatan. Mereka dapat menikmati kemudahan jalan raya ke kampung, pendidikan dan kemahiran dalam masyarakat seperti kelas-kelas Bahasa Inggeris, kemahiran asas komputer dan perakaunan. Semua ini akhirnya dapat membentuk suatu masyarakat yang proaktif dan dinamik.

Dengan pendedahan ini diharapkan barisan pemimpin gerakan koperasi Malaysia dapat mengatur hala tuju koperasi mereka dengan lebih holistik untuk manfaat anggota dan masyarakat seluruhnya.



# Hartanah Lelong:

## Peluang Pelaburan Koperasi

**Nasibah Ahmad**  
 Pengarah Sektor Hartanah & Industri Pembinaan

**B**icara Profesional bertajuk 'Hartanah Lelong: Peluang Pelaburan Koperasi' julung kali diadakan pada 29 November 2016 bertempat di Hotel Quality Kuala Lumpur. Program ini telah menarik minat seramai 101 anggota koperasi di sekitar Lembah Kelang.

Objektif program ini adalah sebagai inisiatif untuk memberi pendedahan kepada koperasi tentang peluang dan cabaran sektor hartanah lelong pada masa kini. Melalui program ini juga, koperasi dapat menimba ilmu pengetahuan berkenaan hartanah lelong dan menjalankan kajian secara menyeluruh sebelum membuat keputusan sama ada kelebihan membeli hartanah lelong melebihi masalah yang mungkin timbul.

Program separuh hari ini dijayakan dengan penceramah jemputan yang mempunyai pengalaman dan ilmu dalam bidang hartanah dan lelongan iaitu Sr. Hj Che Had Dhali, Pengarah Eksekutif IM Global. Sepanjang ceramah tersebut, beliau telah memberikan gambaran sebenar proses lelongan hartanah dan langkah-langkah awal sebelum membeli hartanah lelong.

• Sebelum seseorang membida untuk  
 • membeli hartanah di lelongan awam, dia  
 • hendaklah mengambil kira beberapa faktor  
 • terlebih dahulu. Langkah-langkah awal ini  
 • adalah sangat penting kerana ianya dapat  
 • mengelakkan sesuatu kejadian yang tidak  
 • dingini berlaku di kemudian hari.

• Langkah-langkah awal ini sangat penting  
 • kerana terdapat pembida yang berjaya  
 • dalam lelongan awam ini tetapi gagal  
 • menyempurnakan pembelian hartanah  
 • tersebut dan mengalami kerugian besar.

• Misalnya, seseorang pembida yang gagal  
 • menyempurnakan jual beli hartanah  
 • dalam tempoh 120 hari dari tarikh lelongan  
 • akibat daripada kegagalan mendapatkan  
 • pembiayaan itu, akan menyebabkan wang  
 • deposit sebanyak 10% daripada harga  
 • rezabnya tidak akan dikembalikan semula  
 • oleh pihak bank. Terdapat juga dalam situasi  
 • tertentu, tunggakan bayaran-bayaran lain  
 • yang tidak dilunaskan oleh pemilik asal  
 • hartanah tersebut, terpaksa ditanggung  
 • oleh pembida kerana syarat-syarat perintah  
 • perisytiharan lelongan yang berat sebelah.

• Bicara Profesional bertajuk 'Hartanah Lelong:  
 • Peluang Pelaburan Koperasi' akan diteruskan  
 • ke peringkat zon pada tahun 2017.

## IMPAK MOBILE APPS KEPADA KOPERASI

Nor Aslamiah Ali  
Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT)

Penggunaan telefon pintar atau *smartphone* semakin popular pada masa kini dan menjadi satu gaya hidup, tidak mengira peringkat umur, lokasi atau status sosial. Kini, jumlah pengguna telefon pintar di Malaysia mencecah 11 juta pada 2016 dengan kadar pertumbuhan tahunan 10 peratus dari 2013 hingga 2017 (Harian Metro, 27 Januari 2016). Dengan itu, penggunaan telefon pintar amat memberi impak kepada perniagaan kecil dan besar sekiranya peluang dan strategi melalui 'mobile apps' dapat diaplikasikan dengan cara yang betul.

Namun, teknik 'mobile apps' masih belum popular dalam kalangan usahawan baharu dan koperator yang sangat bergantung kepada platform media sosial seperti *Facebook* dan *Instagram*.

Justeru, Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) MKM mengadakan satu program *Bicara Ilmu* bertajuk "*Impak Mobile Apps* kepada Koperasi" bertujuan untuk memberi pendedahan berkaitan 'mobile apps' dan seterusnya memberi kefahaman dan pengetahuan cara ia dapat membantu

koperasi ke arah pengurusan yang cekap dan fleksibel. Program ini diadakan di Auditorium Dato' Abdul Majid, Maktab Koperasi Malaysia Petaling Jaya pada 1 Disember 2016 dengan kehadiran seramai 130 orang peserta.

Terdapat tiga pembentangan kertas kerja yang disampaikan. Sesi 1 bertajuk "Bagaimana Mobile Apps Memberi Impak Kepada Koperasi?" oleh Mr. Sam Suresh daripada MU Dot My PIt, Sesi 2 bertajuk "1 Koperasi, 1 Mobile Apps" oleh En. Rafiq Sharman bin Khamis@Roslee daripada Koperasi Bekas Pelajar Sekolah Izzuddin Shah Ipoh Berhad dan Sesi 3 merupakan perkongsian pengalaman sistem "SPEAK" (Sistem Pemasaran Efektif Anggota Koperasi) yang disampaikan oleh En. Ishak Hashim daripada Koperasi OKB Berhad.

Diharap program seumpama ini dapat memberi pendedahan secara langsung kepada koperasi dalam memperkukuhkan sistem tadbir urus dengan pelaksanaan mobile apps demi meningkatkan tadbir urus koperasi dan cara penyampaian maklumat dan perkhidmatan kepada anggotanya menggunakan kaedah yang terkini dan berkesan.



# PENGHASILAN MAKANAN RUMINAN

## BANTU PENTERNAK JIMATKAN KOS

**Mohd Faisal Shariff**  
Sektor Perladangan Dan Asas Tani

Antara cabaran utama dalam industri ternakan ruminan adalah kos makanan ruminan itu sendiri. Kos makanan untuk ternakan ruminan seperti ternakan lembu dan kambing, mewakili 30 hingga 40 peratus daripada kos keseluruhan penternakan. Contohnya seekor lembu memerlukan makanan sebanyak 10 peratus daripada berat badannya; sekiranya berat badan seekor lembu ialah 300kg, memerlukan makanan sebanyak 30kg sehari. Penternak akan mengalami masalah besar jika bergantung sepenuhnya kepada pembelian makanan ruminan komersial daripada pembekal.

Sehubungan itu penternak perlu mempunyai kemahiran dan pengetahuan untuk

menguruskan serta memproses makanan ruminan bagi ternakan mereka memastikan kos makanan ruminan dapat dikurangkan dan dikawal.

Selaras dengan keperluan dalam industri ternakan, Sektor Perladangan dan Asas Tani MKM mengadakan kerjasama dengan MyTernak Trading menganjurkan Kursus Pembuatan Makanan Ruminan (Silaj dan Hay) pada 6 hingga 8 September 2016 di NS Dairy Farm, Juasseh, Negeri Sembilan. Objektif utama kursus ini adalah untuk memberi ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada peserta kursus dalam pengurusan makanan ruminan dan juga pembuatan makanan ruminan itu sendiri.

Seramai 30 orang peserta koperasi telah mendapat manfaat dari kursus ini. Metodologi kursus ini adalah secara perbincangan dalam kelas dan juga penekanan terhadap latihan praktikal. Seramai dua orang tenaga pengajar kursus ini telah diterbangkan khas dari Indonesia iaitu Prof. Dr. Ir Sofjan Iskandar dan juga Pak Seno Ari Widodo. Para peserta juga mendapat ilmu tambahan kerana mereka juga diajar dan dilatih membuat makanan ayam.

Prof. Dr. Ir Sofjan merupakan seorang yang pakar dalam baka ayam kampung di Indonesia dan juga pakar dalam pemakanan ayam; telah berkongsi pengalaman serta formula makanan ayam beliau dengan peserta. Manakala Pak Seno Ari Widodo pula merupakan pengurus di kilang makanan ruminan di Indonesia;

telah mengajar dan melatih peserta membuat makanan ruminan dalam bentuk silaj.

Pemilik Ladang NS Dairy Farm iaitu Dato' Mohd Nor Abdul Wahid juga turut meluangkan masa, berkongsi pengalaman jatuh bangun beliau sehingga berjaya menaikkan nama NS Dairy Farm sebagai salah satu syarikat pengeluar produk tenusu terbesar di Semenanjung Malaysia.

Kebanyakan respons dan penilaian peserta terhadap kursus ini amat memberangsangkan dan telah mencapai objektif kursus. Para peserta berpuas hati kerana mendapat formul dan latihan amali memproses makanan ruminan dan ayam kampung.



**Para peserta sedang menimbang bahan-bahan mentah untuk pembuatan makanan ayam kampung sendiri. Dianggarkan penternak mampu mengurangkan kos sebanyak 50% daripada harga dedak komersial sekiranya memproses makanan ayam kampung sendiri**





# KURSUS PENINGKATAN KETERAMPILAN DIRI

## Beri Keyakinan kepada Belia

Dinah Nabilah Mokharuddin  
(Pusat Dasar dan Antarabangsa)

**Pada 22-23 September 2016, Pusat Dasar dan Antarabangsa telah mengadakan kursus Peningkatan Keterampilan Diri dan Kepimpinan. Seramai 25 orang peserta Diploma Pemasaran Semester 1 dan dua orang pegawai pengiring, diketuai oleh En. Zambree bin Zakaria dari Koperasi Politeknik Kota Bharu telah terlibat dalam kursus ini yang diadakan di Maktab Koperasi Malaysia, Petaling Jaya.**

**T**ujuan kursus ini diadakan adalah untuk meningkatkan personaliti, keyakinan diri dan kepimpinan para anggota koperasi terutamanya pelajar tahun pertama supaya mereka dapat membina keyakinan diri terutamanya apabila berada di khalayak ramai dan dapat memimpin para anggota yang lain pada masa akan datang.

Kursus ini dimulakan dengan sesi pertama iaitu "Imej Profesional Keterampilan Diri dan Kesempurnaan Berpakaian" yang disampaikan oleh Pn. Aishah Ariffin, Pengarah

Kanan Zon Tengah. Para peserta didedahkan dengan etika dan kesesuaian berpakaian ketika berada dalam sesebuah majlis.

Sesi seterusnya disampaikan oleh Pn. Haslinda Sujak dengan tajuk "Elemen Positif Personaliti" dan para peserta didedahkan cara mengenali mengenali diri sendiri serta mengetahui sifat-sifat yang ada dalam diri masing-masing.

Sesi ketiga dan yang terakhir bagi hari pertama adalah "Kemahiran Berfikir". Pelbagai manfaat dapat diperoleh apabila para peserta

diberikan tugas bagi menguji minda masing-masing. Para peserta dapat mengetahui cara untuk berfikir dengan baik sama ada berfikir secara logik, berfikir dalam keadaan terdesak dan berfikir di luar kotak.

Penerima Anugerah Emas Remaja Perdana dan Anugerah Perdana Belia Negara 2015 dan juga pakar motivasi, En. Suhail bin Kamaruddin telah dijemput untuk memberikan ceramah bertajuk "Pemantapan Jati Diri" dan "Kepimpinan Organisasi".

Sesi ini dimulakan dengan memanggil beberapa orang peserta untuk mengetahui keyakinan peserta dalam menjawab soalan dan keadaan semasa berucap di khalayak ramai. Sesi ini penting kerana untuk membina jati diri perlulah ada sifat berani dan yakin apabila berhadapan dengan orang luar. Ia juga merangkumi cara kepimpinan kita bukan sahaja terhadap organisasi, tetapi juga kepada keluarga, diri sendiri dan masyarakat.

Selain itu, penerapan terhadap semangat cintakan negara amat dititikberatkan dengan memberi penekanan terhadap meningkatkan kemahiran dan potensi agar mampu berdaya saing dan berupaya untuk membentuk negara menjadi unggul pada masa akan datang. Manakala sesi yang terakhir adalah Kemahiran Komunikasi yang disampaikan oleh Cik Sharina Abdullah dan beliau memberi penekanan dalam berkomunikasi iaitu interaksi antara satu sama lain amatlah diperlukan. Ia juga penting dalam kehidupan seharian supaya tiada perselisihan faham, selain memastikan perkara yang perlu disampaikan dapat diterima dan difahami dengan tepat dan betul.

Secara keseluruhannya, kursus "Peningkatan Keterampilan Diri dan Kepimpinan" ini dapat memberi manfaat kepada semua pelajar yang hadir. Program berakhir dengan jayanya dan diharap kursus-kursus seperti ini dapat dijalankan bagi golongan belia.



**En. Suhail bin Kamaruddin, penerima Anugerah Emas Remaja Perdana dan Anugerah Perdana Belia Negara 2015 dijemput sebagai penceramah**



## Pemprosesan Baja Organik Tinja Haiwan Ternakan dan Probiotik EM

**Mohd Faisal Shariff**  
Sektor Perladangan Dan Asas Tani

Industri pertanian dan penternakan telah berkembang pesat dan memberi banyak perniagaan kepada usahawan juga koperasi. Antara peluang perniagaan yang boleh direbut ialah penghasilan baja organik dari tinja haiwan dan juga produk-produk Probiotik EM.

Contoh organik yang dihasilkan adalah dari tinja kambing, lembu dan juga ayam. Manakala Efektif Mikroorganisma (EM)

merupakan kultur campuran pelbagai jenis mikroorganisma yang boleh meningkatkan kualiti tanah, merawat tanah dan boleh juga digunakan kepada haiwan ternakan bagi mengurangkan bau busuk sisa ternakan. Penggunaan EM dapat mengurangkan populasi lalat dan memberikan udara lebih sihat di kandang ternakan.

Berdasarkan sambutan yang memberangsangkan terhadap Kursus

Pemprosesan Baja Organik Tinja Haiwan Ternakan dan Probiotik EM (Efektif Mikroorganisma) yang pertama dianjurkan oleh Sektor Perladangan dan Asas Tani Maktab Koperasi Malaysia pada bulan April 2016, kursus yang kedua ini dijalankan di Goat Valley Sdn Bhd Kampung Chat, Benta, Pahang pada 26 hingga 28 September 2016.

Ladang Goat Valley seluas dua ekar ini diusahakan oleh Tn. Hj Hussin Mohd Amin, atau lebih dikenali sebagai Hussin Kambing oleh masyarakat setempat. Beliau telah mengusahakan ladang ternakan kambing serta sayuran dan buah-buahan lebih kurang 12 tahun. Ladang ini mempunyai kemudahan homestay sebagai tempat penginapan peserta kursus, kelas dan dewan makan.

Selain daripada Tn.Hj Hussin sebagai penceramah, kursus ini juga menjemput dua orang pesara dari Jabatan Veterinar yang mempunyai pengalaman yang cukup luas dalam bidang baja organik dan EM.

Seramai 18 orang peserta telah menimba ilmu di sini. Usahawan ini telah membuktikan keberkesanan penggunaan baja organik dan juga EM dalam tanaman di ladang beliau. Beliau telah menghasilkan formula sendiri dan memproses baja organik daripada tinja yang dihasilkan oleh kambing peliharaan beliau.

Para peserta telah mendapat ilmu pengetahuan mengenai baja organik dan juga EM secara 'hands-on' daripada para

penceramah lain. Peserta- peseta telah bekerjasama untuk memproses baja organik di ladang Goat Valley dan dibenarkan membawa pulang baja tersebut untuk diguna pakai di tempat masing-masing.

Kami teruja dengan kebersihan serta pengurusan yang sistematik yang diamalkan di ladang ternakan dan juga ladang tanaman Tn. Hj Hussin. Walaupun telah berusia 59 tahun, beliau masih gigih bercucuk tanam dan menguruskan ladang bersama pekerja-pekerja. Kesungguhan beliau telah mendapat pengiktirafan dari kerajaan negeri Pahang dengan menganugerahkan tanah lebih dari 15 ekar di Kuala Lipis untuk beliau usahakan tanaman jagung dan labu serta tanaman yang bersesuaian.

Kerjasama dan permuafakatan yang erat dalam kalangan penduduk Kampung Chat, Benta Pahang tidak dapat dinafikan. Kursus ini juga melibatkan Koperasi Qariah Masjid Kampung Chat sebagai peserta, anggota koperasi menyediakan perkhidmatan katering, menyediakan 'homestay' dan juga membuka 'booth' jualan kerepek, gula kabung, dodol dan berbagai lagi produk keluaran kampung.

Semangat berkoperasi dan bekerjasama mereka menjayakan kursus ini memberi kesan positif kepada para peserta. Pengalaman berkursus di Goat Valley, Kampung Chat, Benta, Pahang akan sentiasa diingati oleh para peserta dan saya sebagai Penyelaras Kursus.



# Kursus Penyediaan PAKEJ PELANCONGAN *HISTORICAL*

**Noranita Mohd Nor**  
Pengarah Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan

Pada 26 hingga 29 September 2016, telah berlangsung kursus "Penyediaan Pakej Pelancongan Historical" anjuran Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan di Langkawi Seaview Hotel, Kedah. Program ini telah dihadiri oleh 41 orang peserta dari seluruh Malaysia. Program ini dikendalikan oleh Pn. Noranita Mohd Nor selaku Pengarah Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan MKM serta En. Muhammad Afnan Hasim pensyarah di Sektor ini.

**O**bjektif utama kursus ini adalah untuk memberi pengetahuan dan pendedahan kepada koperasi mengenai konsep dan jenis pakej pelancongan dalam negara serta menerangkan kaedah penyediaan pakej pelancongan. Pada hari pertama kursus, peserta telah didedahkan dengan teori dan konsep berkaitan industri

pelancongan di Malaysia serta jenis-jenis pakej pelancongan yang ada di negara kita. Kaedah penyediaan pakej pelancongan turut diajar kepada para peserta seperti perincian pakej pelancongan, penetapan harga pakej, deposit pakej pelancongan, polisi pembatalan pakej serta pemulangan wang.



Peserta di Pulau Dayang Bunting

Pada hari kedua kursus, peserta dibawa melawat ke makam Mahsuri dan *Cable Car* Langkawi . Pelbagai aktiviti dijalankan di *Cable Car* seperti *SkyCab*, *SkyRex* *SkyDome* dan *Duck Tour*. Manakala pada hari ketiga, sesi lawatan diteruskan ke tiga buah pulau iaitu Pulau Dayang Bunting, Pulau Beras Basah dan Pulau Singa Besar. Setiap pulau mempunyai sejarahnya yang tersendiri.

Pada sebelah petang, perjalanan diteruskan dengan melawat kilang minyak gamat dan peserta diberi peluang mencelup jari ke dalam minyak gamat yang masih panas. Pada hari terakhir kursus, peserta dikehendaki membentangkan hasil kerja kumpulan iaitu pembentangan pelan tindakan penyediaan pakej pelancongan *historical*.

Sepanjang kursus ini berlangsung, peserta telah merasai sendiri pengalaman mengurus pelancong, bermula dengan menyediakan pengangkutan, tiket masuk ke tempat lawatan, makan minum serta cerita sejarah di setiap tempat lawatan yang dibawa.

Ini memudahkan koperasi untuk menjual pakej pelancongan kepada pelanggan berdasarkan pengalaman yang dirasai sendiri oleh koperasi. Koperasi yang telah mengikuti kursus ini juga telah mendapat *contract rates* bilik penginapan daripada pihak Langkawi Seaview Hotel untuk dijual kepada para anggota koperasi. Ini merupakan peluang yang amat baik kepada koperasi dan koperasi sendiri boleh memulakan bisnes pelancongan dengan menjual pakej *free and easy* kepada pelanggan.

Secara keseluruhannya, kursus ini telah membuka minda para koperator bahawa bisnes pelancongan mampu menjana pendapatan koperasi termasuk para anggotanya. MKM sebagai institusi latihan dan pendidikan koperasi akan terus peka dengan program-program yang sesuai dengan persekitaran bagi membantu gerakan koperasi untuk lebih berdaya maju, berdaya saing, kreatif dan inovatif.

# KURSUS PENGURUSAN FRAUD AKTIVITI KREDIT

Rafedah Juhar  
Sektor Perkhidmatan Kewangan & Perbankan, MKM

Isu penipuan kewangan dan pemalsuan data dalam aktiviti perkhidmatan kewangan merupakan antara cabaran yang harus diberi perhatian sewajarnya dalam gerakan koperasi. Menyedari hakikat ini, Sektor Perkhidmatan Kewangan & Perbankan (SPKP) MKM telah menganjurkan Kursus Pengurusan Fraud Aktiviti Kredit pada 25-26 Oktober 2016 bertempat di COOP Hotel Putrajaya & Cyberjaya.

Kursus yang telah dihadiri oleh seramai 20 orang peserta ini bertujuan untuk memberi kefahaman mengenai fraud. Seterusnya menimbulkan kesedaran terhadap kepentingan menangani isu fraud melalui pendekatan yang sesuai. Para peserta terdiri daripada ALK, JAD dan tenaga kerja kewangan koperasi yang mewakili sembilan buah koperasi yang menjalankan aktiviti kredit.

Bagi memastikan objektif kursus ini tercapai, SPKP telah mengenal pasti seorang penceramah jemputan yang berpengalaman dalam mengendalikan kes-kes fraud dalam aktiviti perbankan iaitu En. Kamaruzzaman Kasim. Beliau merupakan Pengurus CCRIS di Ambank Group yang mempunyai pengalaman lebih 30 tahun dalam industri perbankan.

Sepanjang kursus, peserta telah diberikan pendedahan mengenai definisi fraud, sebab dan akibat dari aspek perundangan, elemen penting dalam mencegah fraud serta peranan dan integriti ALK, JAD, kakitangan dan anggota dalam menangani fraud. Selain itu, penceramah jemputan telah banyak berkongsi dengan para peserta pengalaman beliau berdepan dengan salah laku penipuan kewangan serta strategi beliau dalam menyelesaikan setiap masalah fraud yang berlaku.

Secara keseluruhannya, program ini mendapat maklum balas yang baik daripada para peserta dan telah mencapai objektifnya. Program ini telah berjaya memberikan pendedahan dan kefahaman kepada peserta mengenai isu fraud dalam aktiviti perkhidmatan kewangan. Perkongsian pengalaman daripada penceramah jemputan yang sangat berpengalaman dalam kursus ini pula telah banyak memberikan panduan kepada peserta dalam mengenal pasti strategi yang boleh diguna pakai dalam menangani fraud. Diharapkan kursus ini mampu memperkasakan lagi perolehan koperasi melalui aktiviti perkhidmatan kewangan yang dijalankan.

## Program Pemborongan Koperasi

# KE GUANGZHOU, CHINA

Nur Faeza Yahya  
Sektor Pemborongan Dan Peruncitan

Seramai 21 orang peserta Program Pemborongan Koperasi ke Luar Negara telah berlepas ke Guangzhou China pada tanggal 12 November. Guangzhou telah dipilih sebagai destinasi borong bagi program pemborongan koperasi, dan aktiviti pemborongan selama lima hari tersebut bermula pada 12 November hingga 16 November 2016. Para peserta yang menyertai program pemborongan ke Guangzhou China pada kali ini diwakili oleh sepuluh buah koperasi yang terlibat secara langsung dengan aktiviti pemborongan dan peruncitan khususnya. Antaranya ialah Koperasi PAKU Selangor Bhd, Koperasi Kaum Ibu Sungkai Bhd, Koperasi Kontraktor dan Usahawan Berhad, Koperasi Polis Terengganu Bhd dan Koperasi Masjis Al-Hasanah Bandar Baru Bangi Bhd dan sebagainya.

Objektif program pemborongan di bawah anjuran Sektor Pemborongan dan Peruncitan Maktab Koperasi Malaysia adalah untuk memberi peluang kepada koperasi melihat senario pemborongan di luar negara dan dalam masa yang sama memborong secara terus dengan pembekal. Selain aktiviti memborong, pesertaturutdidedahkandengan proses utama dalam aktiviti pemborongan iaitu proses urusan pembekalan, komunikasi, kaedah pembungkusan, penghantaran dan kastam, dan tempah semula melalui pembelian secara terus.

Peserta telah dibawa ke beberapa pusat pemborongan antaranya pusat borong *hardware* / perkakasan rumah, pusat borong tekstil, pakaian dan kasut; pusat borong jam tangan dan aksesori, pusat borong perhiasan



Antara peserta Program Pemborongan Koperasi ke Guangzhou, China

rumah, Pusat borong barangan elektronik, telefon dan gajet, (vi) Pusat borong permainan kanak – kanak dan barangan sukan, dan Pusat borong barangan kulit, bagasi, beg tangan dan aksesori.

Hasil program pemborongan ke Guangzhou yang dianjurkan selama lima hari ini dilihat amat memberi kesan dan manfaat kepada para peserta. Mereka yang menyertai program ini telah memborong barangan perniagaan yang diperlukan bersesuaian dengan perniagaan koperasi dan ada antara mereka akan mula membuat *trip* borong susulan pada tahun 2017.



Peserta dibawa ke pusat borong hardware



Peserta bersedia untuk berlepas pulang ke Malaysia dengan hasil borongan



# Kursus Pengurusan Operasi Ar-Rahnu

**Salwana binti Ali**  
Sektor Perkhidmatan Kewangan

Sektor Perkhidmatan Kewangan telah menganjurkan kursus Pengurusan Operasi Ar-Rahnu bertarikh 21-22 November 2016 bertempat di kampus induk MKM Petaling Jaya, Selangor. Objektif kursus ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pemimpin koperasi terhadap pengurusan operasi, kaedah kawalan dalaman dan aspek keselamatan perniagaan Ar-Rahnu secara sistematik.

Kursus ini telah dihadiri seramai 30 orang peserta mewakili 15 buah koperasi iaitu CIDB Bhd, KOBE Bhd, KOKITAB Bhd, KOGURU Bhd, ATM Bhd, KPKP Bhd, KPMNJ Bhd, BIMB Bhd,

BBMB Malaysia Bhd, KOBARU Bhd, KOKUSEL Bhd, UNKEB Bhd, JPM Bhd, Al-Hilal Bhd dan Koperasi Keluarga Raden Hj Junaidi Kuching Bhd. Pembelajaran kursus ini meliputi sesi kuliah, lawatan ke premis Ar-Rahnu, perbincangan kumpulan dan pembentangan.

Seramai dua orang penceramah jemputan telah berkongsi pengalaman dalam kursus ini. Ceramah pertama telah disampaikan oleh En. Mohd Azwani bin As'ad, Pengurus Operasi dari Rakyat Management Services (RMS) Sdn Berhad. Beliau telah menerangkan persediaan dan keperluan menjalankan aktiviti Ar-Rahnu menggunakan model Ar-Rahnu X'change.

Encik Saifuddin bin Sulaiman, Ketua Unit Perkhidmatan Kewangan selaku penceramah kedua pula telah menerangkan isu, cabaran dan pengalaman Ar-Rahnu. Dalam sesi ini beliau telah berkongsi pengalaman dalam aktiviti perniagaan Ar-Rahnu yang telah dijalankan oleh Koperasi Permodalan Felda (KPF) Berhad sejak tahun 2013 dan kini mempunyai 19 buah cawangan.

Selain itu peserta turut mengikuti lawatan ke premis Ar-Rahnu terpilih bagi melihat secara dekat pelaksanaan operasi aktiviti Ar-Rahnu secara terperinci, termasuklah aspek keselamatan dan sistem kawalan dalaman. Peserta telah dibawa ke Koperasi New Straits Times Press (NSTP) Malaysia Berhad bertempat di Petaling Jaya yang menggunakan model Ar-Rahnu X'change. Lawatan seterusnya adalah ke premis Ar-Rahnu model YAPEIM di Grand Seasons Hotel, Kuala Lumpur.

Kursus ini diakhiri dengan aktiviti tugasan berkumpulan dan sesi pembentangan.

Dalam tugasan ini peserta diminta untuk menyediakan pelan tindakan perniagaan Ar-Rahnu dalam mengenal pasti isu serta cadangan penyelesaian dalam penambahbaikan operasi Ar-Rahnu di koperasi berdasarkan sesi perkongsian ilmu dan lawatan. Antara isu yang dikenal pasti adalah berkaitan kekurangan modal pusingan, persaingan pengusaha Ar-Rahnu, keselamatan staf, penipuan emas palsu dan kekurangan peralatan ujian emas berteknologi tinggi.

Secara keseluruhan kursus selama dua hari ini telah berjaya mencapai objektifnya. Para peserta kursus telah mendapat banyak manfaat dan panduan hasil perkongsian maklumat daripada penceramah jemputan yang berpengalaman dan lalui sesi lawatan. Kesimpulannya, koperasi disarankan untuk menceburi perniagaan Ar-Rahnu yang dapat membantu melonjakkan perolehan sektor koperasi di bawah bidang keberhasilan utama dalam perkhidmatan kewangan.



Sesi taklimat di premis Ar-Rahnu X'change Koperasi New Straits Times Press (NSTP) Malaysia Berhad, Petaling Jaya

# Penyediaan Pakej Pelancongan Luar Negara Ho Chi Minh, Vietnam

Muhammad Afnan Hasim  
Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan

Pada 21 hingga 25 November 2016, Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan MKM telah menganjurkan Kursus Penyediaan Pakej Pelancongan Luar Negara di Ho Chi Minh, Vietnam. Ianya telah dikendalikan oleh Pn. Noranita binti Mohd Nor, Pengarah Sektor dan dibantu oleh En. Muhammad bin Yusof, pensyarah MKM Zon Timur dan En. Muhammad Afnan Hasim, pensyarah Sektor ini.

Objektif kursus ini adalah untuk memberi pengetahuan dan pendedahan kepada koperasi mengenai konsep dan jenis pakej pelancongan di luar negara serta menerangkan kaedah penyediaan pakej pelancongan luar negara.

Kursus ini merupakan kursus yang julung kalinya diadakan di luar negara dengan penyertaan seramai 37 orang peserta yang terdiri daripada Ahli Lembaga Koperasi (ALK), pengurus dan tenaga kerja koperasi, dan Jawatankuasa Kecil Pelancongan Koperasi dari koperasi di seluruh Malaysia.

Pada hari pertama, peserta didedahkan secara teori mengenai senario pelancongan di Malaysia dan luar negara serta jenis-jenis pakej pelancongan. Peserta juga turut dibahagikan kepada beberapa kumpulan bagi menyediakan pelan tindakan pakej pelancongan.

Pada hari kedua, peserta dibawa ke Kedutaan Malaysia di Vietnam. Di sini peserta telah diperkenalkan dengan Timbalan Konsulat Malaysia, En. Zahirudin bin. Abd. Wahid dan diberi taklimat secara ringkas mengenai budaya, cara hidup masyarakat di Vietnam dan peraturan sepanjang menjadi pelawat di negara itu. Peserta kursus turut ditekankan mengenai kepentingan memaklumkan kepada kedutaan di negara yang dilawati bagi mengelakkan sebarang perkara yang tidak diingini berlaku. Sudah pasti pengetahuan seperti ini amat diperlukan peserta kursus kerana merekalah yang akan menjadi orang utama menjual produk-produk pakej pelancongan luar negara kelak kepada anggota koperasi mereka.

Setelah selesai mendengar taklimat, peserta dibawa melawat ke Ben Thanh Market atau dikenali masyarakat setempat dengan nama Cua Tay yang merupakan salah satu tempat yang wajib dilawati oleh para pelancong. Penting kepada peserta kursus untuk mengetahui tempat-tempat menarik yang terdapat di sekitar bandar Ho Chi Minh kerana sekiranya mereka tiada pengalaman atau belum pernah menjejakkan kaki lagi ke sini sudah tentu amat sukar untuk mereka menjelaskan atau menerangkan pakej pelancongan luar negara yang akan dijual kepada anggota koperasi mereka kelak.

Para peserta juga perlu mengetahui serba sedikit mengenai latar belakang Ben Thanh Market, barangan yang dijual di sini, bahasa komunikasi seharian, jenis mata wang yang digunakan dan lain-lain lagi.

Seterusnya, peserta dibawa ke Hotel Blessing 1, Ho Chin Minh City untuk daftar masuk penginapan dan makan malam di *Halal Restaurant*.

Pada hari ketiga, peserta disajikan dengan sarapan pagi masyarakat Vietnam iaitu *stew beef* di Restoran Halal Food Hajah Aysah. Bertepatan dengan kursus ini yang bertemakan pakej halal maka sudah pasti tempat-tempat makan yang dipilih adalah terdiri daripada restoran makanan halal.

Selesai bersarapan pagi, peserta dibawa ke My Tho, yang mengambil masa selama dua jam dari Ho Chi Minh City. Di My Tho, peserta merasai sendiri Mekong Tours atau dalam Bahasa Vietnam disebut Du Lich Tren Song Tien. Peserta dibawa menaiki bot dan menyelusuri Sungai Mekong menuju ke Rumah Mr. Nam Ngo's untuk menikmati teh madu. Selepas itu, peserta dibawa pula ke kilang gula-gula kelapa. Di sini, peserta dapat melihat sendiri proses penyediaan gula-gula kelapa daripada awal hinggalah ke peringkat pembungkusan. Para peserta perlulah melihat sendiri cara memprosesnya bagi memudahkan mereka untuk menerangkan kepada anggota koperasi kelak yang berminat untuk membeli pakej luar negara Ho Chi Minh ini.

Kemudian, peserta dibawa menaiki sampan melalui sungai kecil untuk makan tengah hari di Quan An – Muslim Sanizah – Na Wi Yah Halal Food. Sewaktu menaiki sampan, para peserta dibekalkan dengan topi berbentuk seperti kon yang diperbuat daripada daun palma untuk melindungi diri daripada matahari dan hujan.

Pada hari keempat, selepas bersarapan pagi, ahli rombongan bergerak menuju ke Cu Chi Tunnels. Perjalanan mengambil masa selama dua jam dari Ho Chi Minh City. Di sini peserta didedahkan dengan sejarah kewujudan Cu Chi Tunnels dan turut dipersembahkan dengan tayangan video. Hasil daripada tapak peninggalan perang askar Vietnam



Bergambar di hadapan Hotel Blessing 1, Vietnam



Pemandangan sampan-sampan yang digunakan untuk membawa pelancong

terdahulu, kini ia dijadikan sebagai salah satu lokasi pelancongan yang secara tidak langsung dapat menyumbang kepada ekonomi penduduk setempat.

Peserta kemudiannya dikehendaki untuk menyambung pelan tindakan yang telah diberikan pada hari pertama berkursus iaitu menyediakan pakej pelancongan luar negara yang lengkap seperti butiran cara pembayaran dan pembatalan oleh pelanggan, tempat-tempat yang akan dilawati dalam perincian program, harga yang dikenakan dan lain-lain. Pada hari terakhir, selesai bersarapan pagi, setiap kumpulan membentangkan hasil pelan tindakan yang telah siap kepada MKM.

Kesimpulannya, kursus selama lima hari ini telah memberi impak positif kepada peserta. Maklum balas yang diterima daripada peserta mengenai kursus ini sangat baik dan telah membuka minda para koperator untuk terlibat dalam perniagaan pelancongan. Di samping itu Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan MKM juga telah mengadakan perbincangan dengan agensi pelancongan di Vietnam iaitu *Alan Travel & Tours* untuk melantik koperasi yang menyertai kursus ini sebagai agen jualan kepada produk pelancongan mereka. Agensi terbabit telah

bersetuju untuk melantik semua koperasi yang mengikuti kursus ini menjadi agen pelancongan dan koperasi turut mendapat harga agen iaitu harga yang terendah berbanding harga yang ada di pasaran daripada agensi pelancongan terbabit. Ini semua adalah usaha MKM untuk meningkatkan lagi modal insan koperasi khususnya dalam aspek pendidikan dan latihan.



Peserta kursus bergambar kenangan bersama Konsulat Malaysia di Vietnam



Peserta diberi penerangan dan tayangan video mengenai Cu Chi Tunnels

# Kerjasama Antara Koperasi Realisasikan Prinsip Koperasi Ke-6

**Ayu Diana Awang**  
Sektor Hartanah & Industri Pembinaan

Sektor Hartanah Dalam Ekonomi Semasa: Peluang Menjana Ekonomi Koperasi merupakan tema seminar yang dianjurkan oleh Sektor Hartanah dan Industri Pembinaan. Seminar yang diadakan di De Baron Resort, Langkawi pada 29 hingga 30 Ogos 2016, telah membuka peluang kepada koperasi-koperasi untuk menjalinkan kerjasama mengikut bidang keperluan yang berpotensi.

Antara koperasi yang terlibat dalam jalinan kerjasama koperasi ini ialah:

- i. Koperasi Usahawan Binaan Selangor Berhad (KUBS)
- ii. Koperasi Membeli dan Membuka Tanah Seri Cheeding Berhad
- iii. Koperasi Kakitangan Kumpulan BIMB Holdings Malaysia Berhad (KKBIMB)

Perjumpaan pertama diatur pada 29 September 2016, untuk merealisasikan jalinan kerjasama ini dengan mengenal pasti peluang yang ada pada setiap koperasi. Pihak Maktab Koperasi Malaysia (MKM) bertindak sebagai pemudah cara dalam perjumpaan ini. Melalui perjumpaan pertama tersebut, setiap koperasi telah memberikan penerangan tentang peluang yang akan diberikan kepada program ini.

Koperasi Membeli dan Membuka Tanah Seri Cheeding Berhad memaklumkan bahawa koperasi tersebut mempunyai dua jenis tanah iaitu:

- a) Tanah pegangan bebas seluas 97 ekar dengan lokasi berdekatan dengan sungai dan pelabuhan. Tanah ini sesuai

dibangunkan secara komersial berbanding rumah kediaman ; dan

- b) Tanah Rezab Melayu seluas 140 ekar merupakan tanah anugerah kepada koperasi. Tanah ini telah dipecahkan kepada 15 geran dan lot minimum adalah seluas 2 ekar.

Kedua-dua jenis tanah tersebut berstatus tanah pertanian dan juga terletak dalam zon pertanian. Koperasi Sri Cheeding berhasrat untuk membangunkan tanah ini dan seterusnya dapat memberi manfaat kepada anggota koperasi.

Manakala KKBIMB sedang mengembangkan aktiviti perniagaan dalam bidang hartanah. Ketika ini KKBIMB ingin fokus kepada aktiviti hartanah kerana bidang ini mempunyai risiko yang rendah jika kita betul-betul bersedia dan mempunyai ilmu yang mencukupi dalam bidang hartanah. KKBIMB berminat kepada pelaburan hartanah mengikut keadaan tertentu iaitu:

- a) Tanah yang mempunyai geran yang telah ditukar syarat dan dipecahkan kepada lot-lot ; dan
- b) Tanah yang masih belum ditukar syarat dan dipecah-pecah mengikut lot yang ditetapkan.

Satu lawatan tapak tanah Koperasi Sri Cheeding turut diadakan pada 4 Oktober 2016, yang turut dihadiri oleh wakil KUBS dan KKBIMB. KKBIMB bersetuju untuk membawa cadangan usaha sama ini kepada pihak lembaga KKBIMB.



## Lawatan Sekolah Pantai Timur Ke MKM

**Nuur Fadzillah Zulkepli**  
Unit Komunikasi Korporat

Maktab Koperasi Malaysia sememangnya tidak pernah sunyi daripada menerima kunjungan lawatan dari pelbagai pihak. Pada 30 September 2016, MKM telah menerima lawatan dua buah sekolah dari pantai timur secara serentak iaitu Sekolah Kebangsaan Kolum Melor, Kota Bharu, Kelantan dan Sekolah Menengah Kebangsaan Gong Badak Kuala Terengganu, Terengganu.

Lawatan tersebut bertujuan mendedahkan para pelajar tentang program-program kursus jangka panjang yang ditawarkan oleh anak syarikat MKM iaitu Icoop dan juga kepentingan koperasi di peringkat sekolah.

Sesi taklimat kepada peserta lawatan telah disampaikan oleh En. Mohd Zaib bin Mat Yunus, Pengarah Sektor Pemborongan dan Peruncitan, Maktab Koperasi Malaysia. Para pelajar telah dipertontonkan dengan tayangan video korporat MKM terlebih dahulu sebelum sesi taklimat dimulakan.

Lawatan yang berlangsung selama dua jam ini turut diselitkan dengan pelbagai maklumat berkaitan dengan koperasi. Pelajar-pelajar turut diberikan cenderamata korporat MKM sebagai tanda kenangan untuk dibawa pulang.



Sesi taklimat mengenai kepentingan koperasi kepada ahli rombongan



# LAWATAN DELEGASI SONGKHLA NAKARIN UNIVERSITY SERVICE COOPERATIVE LTD

KE MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

Nur Syazwani Bt Zainul Abidin

Pada 14 Oktober 2016, MKM Kampus Induk telah menerima kunjungan seramai 22 delegasi dari Songkhla Nakarin University Service Cooperative Ltd, yang diketuai oleh Ms. Ratana Wongwiwatchai, Pengurus Besar, Songkhla Nakarin University Cooperative. Tujuan utama lawatan ini adalah untuk mengetahui fungsi dan peranan MKM sebagai sebuah pusat latihan dan pendidikan koperasi yang turut menjalankan program jangka panjang (Diploma dan Ijazah Sarjana Muda). Pada masa yang sama beliau turut meninjau potensi kerjasama dengan MKM pada masa akan datang.

Lawatan ini telah disambut oleh Pn. Aishah Ariffin, Pengarah Kanan Zon Tengah, Cik Sharina Abdullah, Pengarah Pusat Dasar dan Antarabangsa, dan pegawai-pegawai Pusat Dasar dan Antarabangsa. Perbincangan dimulakan dengan ucapan aluan oleh Pn. Aishah Ariffin dan diikuti dengan penerangan mengenai fungsi, peranan, proses transformasi 2016 dan hala tuju MKM. Para delegasi juga turut didedahkan mengenai senario koperasi di Malaysia serta penerangan lanjut mengenai kajian keperluan latihan, proses pembangunan silibus dan program latihan yang dijalankan.

Perbincangan kemudiannya disusuli dengan penerangan ringkas oleh Ms. Ratana Wongwiwatchai mengenai Universiti Songkhla Nakarin dan aktiviti yang dijalankan. Sesi soal jawab juga dijalankan di akhir perbincangan bagi berkongsi pandangan serta mendapatkan gambaran yang jelas mengenai cara kerja, budaya dan sistem pendidikan koperasi yang diamalkan di institusi masing-masing.



**MKM dan Songkhla Nakarin University bertukar cenderamata sebagai tanda ingatan**

# "Revolusi Komunikasi Dalam Koperasi"

ZON UTARA

**D**alam era serba moden ini, bentuk komunikasi sentiasa melalui perubahan hasil perkembangan teknologi, atau revolusi komunikasi yang berbentuk struktural dan teknikal. Kini, komunikasi telah memasuki fasa kelima yang menekankan komunikasi interaktif yang ditanda dengan teknologi berasaskan internet dan pengkomputeran yang telah menyaksikan media baharu atau era media kedua.

Komunikasi boleh mengukuhkan perpaduan dan membantu mendapatkan maklumat penting dalam meningkatkan daya saing koperasi. Melihat kepada kuasa dan kepentingannya, koperasi seharusnya mengoptimalkan penggunaan komunikasi dalam menyampaikan maklumat kepada anggota dan seterusnya mempromosikan aktiviti perniagaan mereka.

Sehubungan itu, Maktab Koperasi Malaysia (MKM) Zon Utara telah menganjurkan program Bicara Ilmu bertempat di Hotel Taiping Perdana, Taiping, Perak pada 17 November 2016. Program Bicara Ilmu kali ini bertemakan

"Revolusi Komunikasi Dalam Koperasi" yang diadakan bersekalikan dengan sambutan Ulang Tahun MKM Ke-60 Peringkat Zon Utara.

Kehadiran koperator seramai 200 orang pada majlis ini, diisi dengan pembentangan dua kertas kerja. Kertas kerja pertama bertajuk "Pengenalan Komunikasi dan Garis Panduan Penggunaan Media di Malaysia" telah disampaikan oleh Pn Hanita Binti Abdul Rahman, Ketua Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Negeri Perak. Manakala kertas kerja kedua yang bertajuk "Perkongsian Pengalaman Koperasi Coop2U" telah disampaikan oleh Cik Nihayatul Aqmal Abdul Rahman, Pengurus Pemasaran dari Koperasi Coop2U Berhad.

Majlis telah dirasmikan oleh Tn. Haji Ramlan Kamsin, Timbalan Ketua Pengarah (Akademik) MKM yang mewakili Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Bin Abdul Razak Shaik, Ketua Pengarah MKM. Program Bicara Ilmu ini telah dimeriahkan lagi dengan upacara pemetongan kek Sambutan Ulang Tahun MKM ke-60.

# INTEGRITI HALAL: BERSEDIakah KOPERASI?

## SEMINAR INTEGRITI HALAL : BERSEDIakah KOPERASI? & MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA SAMBUTAN MKM 60 TAHUN PERINGKAT ZON UTARA

Yusnita binti Othman  
MKM Zon Utara

Maktab Koperasi Malaysia (MKM) Zon Utara telah melabuhkan tirai tahun 2016 dengan menganjurkan seminar bertajuk “**Integriti Halal: Bersediakah Koperasi?**” dan Majlis Makan Malam sempena sambutan MKM 60 tahun peringkat Zon Utara. Program yang berlangsung pada 5 hingga 6 Disember 2016 bertempat di Hotel Langkasuka, Langkawi, Kedah telah berjaya menarik minat seramai 220 orang peserta dalam kalangan koperator khususnya dari gerakan koperasi di utara tanah air.

Mendepani cabaran untuk mengekalkan ekosistem halal yang diyakini, kepentingan pensijilan halal Malaysia perlu dijelaskan kepada gerakan koperasi. Senario semasa kepenggunaan memperlihatkan keyakinan yang tinggi terhadap pensijilan halal Malaysia serta kecenderungan pengguna untuk mendapatkan produk dan perkhidmatan berkonsepkan syariah. Ke arah pemantapan pensijilan halal Malaysia, memelihara integriti halal adalah menjadi satu keperluan yang amat penting dan tidak boleh dikompromi.

Melihat kepada impak besar dalam pengertian halal dan integriti dalam pelaksanaan pensijilan halal Malaysia, MKM Zon Utara mengambil inisiatif untuk menyampaikan maklumat serta perkembangan isu-isu semasa berkaitan dengan pensijilan halal Malaysia kepada gerakan koperasi.



YB Dato' Dr. Ku Abd. Rahman bin Ku Ismail, Exco Kerajaan Negeri Kedah, merasmikan seminar

Majlis perasmian program ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Dr. Ku Abd. Rahman bin Ku Ismail, Exco Kerajaan Negeri Kedah selaku Pengerusi Jawatankuasa Tetap Industri dan Pelaburan, Perdagangan Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Koperasi IMT-GT. Kehadiran YBhg. Prof. Datuk Mohd Yusof bin Kasim, Pengerusi Lembaga Pengarah MKM bersama Anggota Lembaga Pengarah MKM yang lain serta Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan), Pn. Hjh. Julia Bee Ramjan telah menyerikan lagi majlis perasmian dan makan malam sempena sambutan MKM 60 tahun peringkat Zon Utara. Majlis pada malam tersebut turut diserikan dengan acara memotong kek ulang tahun MKM serta persembahan iringan dan cabutan bertuah yang menggamit memori indah kepada semua tetamu yang hadir.

Menyingkap inti pati seminar yang bertujuan memberi pendedahan dan kefahaman mengenai keperluan Pensijilan Halal Malaysia. Isu dan cabaran serta kepentingan integriti halal dalam perniagaan koperasi, sebanyak lima kertas kerja telah dibentangkan

oleh para penceramah jemputan. Kertas kerja pertama bertajuk **Momentum Pasaran Industri Halal Malaysia** disampaikan oleh Tn. Hj. Abdul Rahim bin Abdul Rahman dari Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC). Diikuti dengan pembentangan kertas kerja kedua bertajuk **Standard Pensijilan Halal Malaysia** oleh Ustazah Rosyadah binti Ramli dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JAIK). Sesi pembentangan seterusnya disambung pula oleh En. Noor Fiteri bin Abdullah dari Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin dengan kertas kerja bertajuk **Pemantapan Integriti Halal: Isu dan Cabaran**.

Mengakhiri seminar ini adalah sesi **Forum Lensa Halal Bersama Usahawan Berjaya**. Tiga orang penceramah telah berkongsi pengalaman organisasi masing-masing berkaitan pemilikan Sijil Halal Malaysia. Mereka terdiri daripada En. Ab. Rahman Ab. Majid dan Pn. Nazera Mat Taib dari Koperasi Guru-Guru Larut Matang, Selama dan Dinding Bhd mewakili Hotel Taiping Perdana serta Prof. Dr. (H) Hjh. Hamsiah Ismail dari Kumpulan Syarikat Dr. Azizan Holdings Sdn Bhd.



Sesi Forum “Lensa Halal Bersama Usahawan Berjaya”



## YB Menteri KPDNKK Rasmikan Kampus MKM Zon Timur

**Hafieza Hashim**  
Zon Timur

Tanggal 6 Oktober 2016, Kampus MKM Zon Timur telah disempurnakan majlis perasmianya oleh YB. Dato' Seri Hamzah bin Zainudin, Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). MKM Zon Timur kini beroperasi di Kompleks Inkubator, Indera Mahkota 14, Kuantan, Pahang.

Majlis perasmian turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Basaruddin bin Sadali, Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan Dalam Negeri), YBhg. Prof. Datuk Mohd Yusof bin Kasim, Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah MKM, YBhg. Dato' Dr. Noor Zari bin Hamat, Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Prof. Madya Dr. Abdul Rahman bin Abdul Razak Shaik, Ketua Pengarah MKM, pegawai kanan Jabatan Kerajaan Negeri Pahang, ketua agensi di bawah KPDNKK serta para koperator di seluruh negeri Pahang dan Terengganu Selatan.

Permulaan operasi Kampus MKM Zon Timur adalah pada 9 Ogos 2009 dengan menyewa bangunan lot kedai di Bandar Bera, Pahang. Bertepatan dengan fungsi MKM untuk membangun dan mengembangkan latihan serta pendidikan koperasi di negara ini, tuntutan untuk menyediakan perkhidmatan dan fasiliti yang lebih kondusif, efektif dan mesra pelanggan adalah amat diutamakan. Oleh itu, MKM Zon Timur mula beroperasi sepenuhnya di Kompleks Inkubator, Indera Mahkota 14, Kuantan, Pahang pada 25 Jun 2015.

Perancangan majlis perasmian ini merupakan salah satu program bersempena dengan Sambutan Jubli Intan Ulang Tahun MKM yang ke-60. Sehubungan itu, pengisian ilmiah bertepatan dengan majlis perasmian MKM Zon Timur bermula pada 5 Oktober hingga 6 Oktober 2016.

**Program dimulakan dengan Kursus Peradaban Sosial** untuk kakitangan MKM pada 5 Oktober 2016, bertempat di Bilik Akasia, MKM Zon Timur. Sekitar majlis perasmian iaitu 6 Oktober 2016 telah diadakan program **Bicara Ilmu Celik Pelaburan Harta Tanah: Potensi Menjana Nilai Jangka Panjang Koperasi** bertempat di Bilik Akasia, MKM Zon Timur yang disampaikan oleh En. Mohd Roslan bin Bani Amin, Ketua Sektor MKM. Sebelah malamnya pula diadakan program **Ceramah Perdana: Ukhwah Islamiah Asas Penyatuan Ummah** disampaikan oleh Al Fadil Ustaz Mohammad Hadi bin Hj Ahmad Talhah bertempat di Masjid Tengku Ampuan Afzan, Indera Mahkota, Kuantan, Pahang.



**Bicara Ilmu Celik Pelaburan Harta Tanah, oleh En. Mohd Roslan bin Bani Amin, Ketua Sektor MKM**

Karnival Jualan Mega  
KPDNKK 2016 Dan  
Bicara Ilmu :

## POTENSI NIAGA PEMBORONGAN DALAM DAN LUAR NEGARA

Afifah Abdul Jalal  
Zon Selatan



Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) menganjurkan Karnival Jualan Mega Peringkat Kebangsaan 2016 di Dataran Plaza Angsana, Johor Bahru. Program tersebut dijalankan pada 23 – 27 November 2016 dan pelbagai pengisian telah diadakan. Antaranya lebih 500 jenama mengambil bahagian dalam jualan, pameran *autoshow* dan pelbagai pertandingan diadakan. Agensi-agensi di bawah KPDNKK juga turut bersama-sama sebagai pempamer.

Maktab Koperasi Malaysia Zon Selatan (MKMZS) dan Unit Komunikasi Korporat MKM mengambil peluang mengadakan pameran selama karnival tersebut berlangsung. Di *booth* MKM, kami menyediakan pelbagai bahan penerbitan yang diterbitkan oleh MKM seperti jurnal, majalah-majalah, kajian kes dan sebagainya. Dengan wujudnya booth ini, MKM dapat beramah mesra dan memperkenalkan peranan MKM kepada pengunjung yang terdiri daripada orang awam dan koperator-koperator Zon Selatan.

Pada 25 November 2016 merupakan acara kemuncak iaitu perasmian Karnival Jualan Mega 2016 yang dirasmikan oleh Sultan Johor Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar.

Bersempena dengan itu, pada hari perasmian Karnival tersebut, MKMZS turut mengadakan program Bicara Ilmu bertajuk **Potensi Niaga Pemborongan Dalam Dan Luar Negara** di Hotel De Angsana, Johor Bahru yang disampaikan oleh En Mohd Roslan Bin Bani Amin, Ketua Sektor Bidang Keberhasilan Utama MKM. Dalam pengisian Bicara Ilmu ini, beliau memberi pendedahan dan pengetahuan asas dalam perniagaan pemborongan dalam dan luar negara.

Beliau juga menyentuh potensi aktiviti pemborongan untuk dijadikan sebagai peluang kepada koperator. Seramai 150 peserta hadir dalam program tersebut yang terdiri daripada koperator negeri Johor. Selepas selesai majlis Bicara Ilmu, para peserta bergerak ke Dataran Plaza Angsana untuk turut bersama dalam majlis perasmian Karnival Jualan Mega 2016.



**Ketua Pengarah MKM (kanan) dan Ketua-ketua Agensi/Bahagian KPDNKK turut serta dalam perasmian Karnival Jualan Mega KPDNKK 2016 di Johor**

## Seminar “KOPERASI KE ARAH NEGARA MAJU” DAN SAMBUTAN JUBLI INTAN MKM PERINGKAT ZON SABAH

Jaibit Jaudin  
Zon Sabah

Pada 19 hingga 20 September 2016, MKM Zon Sabah telah berjaya menganjurkan seminar bertemakan “KOPERASI KE ARAH NEGARA MAJU” di Hotel Soluxe, Putatan, Kota Kinabalu. Bersempena dengan seminar ini juga telah diadakan Sambutan Jubli Intan

MKM 60 Tahun Peringkat Negeri Sabah. Seminar ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Panglima Yahya Hussin, Timbalan Ketua Menteri Sabah merangkap Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah serta Pengerusi Majlis Perundingan Koperasi Negeri (MPKN) Sabah. Turut hadir dalam program tersebut ialah YBhg Prof. Datuk Mohd. Yusof bin Kasim, Pengerusi Lembaga Pengarah MKM dan YBrs

Prof. Madya Dr. Abdul Rahman bin Abdul Razak Shaik, Ketua Pengarah MKM. Majlis perasmian program seminar ini turut dihadiri oleh En. Yahya bin Sulaiman @ Ag Yahya Ag Tim, Pengarah KPDNKK Sabah, En. Mohd Yasin @ Jafri Abd Malik, Pengarah SSM Sabah dan En. Umar Sarim Saidin, Pengarah SKM Sabah.

Objektif seminar tersebut adalah untuk membolehkan para koperator dan peserta mendapat pengetahuan mengenai ciri-ciri sebuah negara maju, mendapat pendedahan berkaitan isu-isu semasa yang dihadapi dalam proses ke arah negara maju dan mendapat kefahaman tentang peranan dan penglibatan koperasi dalam menghadapi negara maju.



YB Datuk Seri Panglima Hj. Yahya Hussin sedang menyampaikan ucapan perasmian seminar

Para koperator diharapkan dapat mengaplikasikan ilmu yang diperoleh dan menjana strategi yang efektif dalam koperasi masing-masing sesuai dengan tuntutan sebuah negara maju. Seramai 118 orang koperator yang mewakili 63 buah koperasi daripada seluruh negeri Sabah telah menghadiri seminar tersebut.

Sebanyak empat kertas kerja telah dibentangkan dalam seminar ini. Kertas Kerja 1 bertajuk **“Malaysia Ke Arah Negara Maju”** telah dibentangkan oleh En. Durahim bin Haji Jaman, Pegawai Penerangan, Jabatan Penerangan Malaysia Cawangan Sabah. Kertas Kerja 2 bertajuk **“Road Map Koperasi Ke Arah Negara Maju”** telah dibentangkan oleh Pn. Mahalatcheemee a/p G. Manickam, Pengarah Dasar Dan Perancangan Pembangunan, Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Kertas kerja 3 bertajuk **“Peranan dan Penglibatan Koperasi**

**Dalam Menghadapi Negara Maju”** telah dibentangkan oleh Prof. Datuk Mohd. Yusof bin Kasim, Pengerusi Lembaga Pengarah Maktab Koperasi Malaysia.

Kertas Kerja 4 berbentuk perkongsian pengalaman daripada Koperasi Koperkasa Sarawak Berhad (KOPERKASA) dan Koperasi Pekerja-pekerja Kerajaan Sabah Berhad (KOEKS) yang masing-masing telah disampaikan oleh Tn. Hj Sajali@ Ismail bin Ojek, Pengerusi (KOPERKASA) dan Tn. Hj Saat bin Awang Damit, Anggota Lembaga (KOEKS).

Seminar diakhiri dengan sebuah sesi forum bertemakan **“Koperasi ke Arah Negara Maju”** yang telah dipengerusikan oleh En. Christopher John Baptist, Pengarah MKM Zon Sabah dengan ahli panel yang terdiri daripada para pembentang kertas kerja seminar.



Sesi Forum “Koperasi Ke Arah Negara Maju”

## Kejohanan Bowling Dan Petanque (Terbuka) PIALA KETUA PENGARAH MKM 2016

Frank Me-ol  
Zon Sarawak

Tahun 2016 melambangkan genap 60 tahun penubuhan Maktab Koperasi Malaysia (MKM). Selama tempoh itu, MKM sebagai institusi tunggal pendidikan koperasi di Malaysia telah saban tahun memberi latihan, pendidikan, khidmat nasihat, bimbingan, menjalankan kajian serta penulisan dan menganjurkan pelbagai aktiviti ilmiah yang konsisten kepada warga koperasi bagi memastikan sektor koperasi terus menjadi sektor yang berdaya saing, kukuh, dikenali dan diangkat martabatnya seiring dengan sektor lain di negara kita.

Dari semasa ke semasa perancangan baharu dibangunkan selaras permintaan semasa sektor koperasi bagi memastikan sektor itu terus relevan dengan arus global. Jelas bahawa kewujudan dan kesinambungan pelan pendidikan MKM ini bergantung sepenuhnya kepada sokongan warga koperasi yang tidak putus-putus memberi sokongan kepada program-program yang dilaksanakan. Sesungguhnya MKM dan koperasi bagaikan aur dengan tebing.

Sejajar dengan sambutan jubli intan tersebut, MKM Zon Sarawak mengambil inisiatif untuk julung kalinya menganjurkan Kejohanan Bowling dan Petanque (terbuka) Piala Ketua Pengarah MKM 2016 khas untuk warga koperasi di Sarawak pada 29 dan 30 Oktober 2016. Kejohanan bowling telah diadakan di Riverside Superbowl Kuching manakala kejohanan petanque di adakan di padang petanque SMK Matang Hilir Kuching. Sebanyak 73 pasukan daripada 51 buah koperasi menyertai pertandingan bowling manakala pertandingan petanque pula disertai oleh 53 buah pasukan daripada 14 buah koperasi.



Ketua Pengarah MKM, Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Abdul Razak Shaik, menyampaikan cek replika kepada pemenang

Antara objektif program adalah sebagai platform untuk saling berkenalan dan mengeratkan hubungan silaturahim antara koperasi Sarawak dengan warga MKM Zon Sarawak selain untuk menyemarakkan semangat berpasukan, kerjasama, hormat-menghormati dan menanam nilai-nilai murni berdasarkan prinsip dan nilai koperasi dalam kalangan warga koperasi. Kejohanan tersebut juga diharap mampu meningkatkan tahap kecergasan melalui aktiviti riadah yang menyihatkan dan dalam masa yang sama mengetengahkan lagi nama MKM kepada komuniti luar.

Kejohanan bowling dan petanque tersebut masing-masing telah dijuarai oleh pasukan KOPERKASA dan Koperasi SMK Santubong dengan membawa pulang wang tunai RM1000, trofi kejohanan dan hamper. Penganjuran kejohanan turut ditaja oleh beberapa buah koperasi di bumi kenyalang iaitu Koperasi KOPUSAKA, KOPERKASA, Koperasi Felcra Samarahan Berhad, Koperasi Bintulu Port Berhad, Koperasi KoopMKM, Bank Persatuan dan Kelab Sukan SKM.

# Seminar “JUTAWAN INTERNET : PELUANG KOPERASI”

Syarifah Rohaya bte Wan Idrus  
Zon Sarawak

**M**enyedari akan prospek menjalankan perniagaan melalui internet, Maktab Koperasi Malaysia Zon Sarawak telah mengambil inisiatif memilih tema “**Jutawan Internet: Peluang Koperasi**” untuk program seminar yang telah diadakan pada 27 hingga 28 November 2016 bertempat di Hotel Century Kuching, Sarawak. Objektif pelaksanaan seminar ini adalah untuk memberi pendedahan berkenaan peluang perniagaan yang boleh diceburi oleh koperasi melalui program-program perniagaan dan keusahawanan daripada agensi-agensi kerajaan, di samping merungkai strategi menjalankan dan memaksimumkan keuntungan perniagaan koperasi melalui internet dan mempelajari teknik-teknik pemasaran online melalui media sosial dengan menggunakan aplikasi *Google Apps*, *Facebook* dan *Instagram*.

Majlis perasmian yang diadakan pada sebelah malam 27 November 2016 agak istimewa kerana pada masa yang sama diadakan majlis

penutupan sambutan Jubli Intan MKM 60 Tahun Peringkat Zon Sarawak. Ianya telah dirasmikan oleh YB Datuk Hj Naroden bin Hj Majais, Menteri Muda Pembangunan Usahawan Dan Menteri Muda Perancangan Sumber Sarawak. Turut hadir ialah Prof. Madya Dr. Abdul Rahman bin Abd Razak Shaik, Ketua Pengarah MKM. Majlis dihadiri oleh peserta seramai 167 orang yang terdiri daripada barisan pemimpin koperasi, pihak pengurusan serta anggota koperasi dan juga wakil-wakil agensi di bawah KPDNKK.

Pada majlis perasmian malam tersebut turut disampaikan Anugerah Penghargaan kepada Koperasi Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak Berhad kerana aktif menyertai program latihan dan pendidikan serta program lain di hampir seluruh negeri Sarawak yang dianjurkan oleh MKM Zon Sarawak sepanjang tahun 2016 serta membawa impak kepada koperasi. Anugerah Penghargaan MKM Zon Sarawak (Sokongan Teknikal) pula diberikan kepada En. James Chia daripada Koperasi



Majlis perasmian oleh YB Datuk Hj. Naroden Bin Hj. Majais, Menteri Muda Pembangunan Usahawan Dan Menteri Muda Perancangan Sumber Sarawak

Ramasa Kuching Bhd, sebagai penghargaan kepada beliau yang telah banyak membantu menjayakan program-program MKM Zon Sarawak khususnya dari aspek sokongan teknikal sepanjang tahun 2015-2016. Sokongan yang diberikan telah melancarkan perjalanan program dengan jayanya.

Upacara kemuncak pada malam itu adalah simbolik penutupan program Sambutan Jubli Intan MKM Peringkat Zon Sarawak dan tayangan montaj Nostalgia MKM Zon Sarawak serta pemotongan kek sempena kewujudan 60 tahun MKM di bumi Malaysia.

Pada keesokan harinya, sesi Forum bertajuk **Seribu Satu Peluang Perniagaan Koperasi** telah membuka tirai program dengan pembentangan daripada tiga orang panel, iaitu En. Osman bin Ismail, Pengarah SKM Negeri Sarawak, En. Alfitri bin Abdul Rahman, Pegawai MARA Daerah Kuching dan Pn. Norjanah Binti Haji Razali, Ketua Penolong Pengarah, Unit Pembangunan Usahawan dan Industri Halal, Jabatan Ketua Menteri Sarawak. Sesi forum ini dipengerusikan oleh Pn. Siti Maimunah Hj jerni, Pengarah MKM Zon Sarawak. Dalam sesi ini, para pembentang telah berkongsi informasi berkenaan program-program perniagaan dan keusahawanan yang disediakan oleh organisasi masing-masing serta peluang gerakan koperasi dalam program perniagaan yang ditawarkan.

Program pengisian ilmu diteruskan dengan pembentangan dua kertas kerja oleh penceramah undangan yang berpengalaman luas dalam bidang perniagaan internet. Kertas kerja pertama bertajuk **“Perniagaan Internet – 3 Strategi Kritikal WAJIB Tahu Untuk Bisnes Berkembang Menuju 2017”** telah disampaikan oleh Pn. Shakirah binti Abdul Karim, pemegang Sijil Profesional Online

Marketing (OMCP) daripada Amerika Syarikat dan pakar dalam strategi digital, analisis web dan pengoptimuman enjin carian dan strategi media sosial. Pelbagai kaedah dan teknik yang telah beliau kongsi. Antaranya, mengenai konsep dan kepentingan aspek ‘ranking’ dalam pencarian Google, pembinaan laman web perniagaan menggunakan *Wordpress* dan komuniti digital seperti *LinkedIn* dalam membantu mendapatkan prospek perniagaan.

Kertas kerja kedua yang dibentangkan pada sebelah petang membawa tajuk **“Strategi Media Sosial – Facebook, GoogleApps, dan Instagram”** dan disampaikan oleh En. Ali Hanafiah bin Abu, seorang penceramah daripada Persatuan Usahawan Internet Malaysia yang juga merupakan individu yang terlibat secara langsung dengan perniagaan internet serta menjadikan media *facebook* sebagai elemen pemasaran terpenting perniagaan beliau. Pelbagai teknik pemasaran *online* dalam media *facebook* telah beliau kongsi bersama-sama peserta seminar pada sesi tersebut.

Secara keseluruhannya, Seminar “Jutawan Internet : Peluang Koperasi” dilihat berjaya mencapai objektifnya serta memperoleh maklum balas yang sangat positif dengan cadangan supaya diadakan program bengkel susulan berkenaan perniagaan melalui internet.

Sebagai penganjur, MKM Zon Sarawak mengharapkan ilmu yang dikongsi dapat member impak positif kepada para peserta untuk melibatkan diri dengan berani dan secara aktif dalam menerokai pendekatan efektif ke arah melipatgandakan pendapatan perniagaan koperasi melalui Internet yang mampu mendapatkan lebih ramai.



## Sembang Santai: Belia Penggerak Koperasi

Intiran Harikrishnan  
Pusat Pembangunan Komuniti

Pada 15 Oktober 2016, Pusat Pembangunan Komuniti MKM telah menganjurkan program **Sembang Santai: Belia Penggerak Koperasi**. Sasaran peserta bagi program ini adalah peserta sekitar Lembah Klang dan Putrajaya yang bukan anggota koperasi. Seramai 112 peserta terdiri daripada pelajar Institut Profesional Baitumal, pelajar Maktab Koperasi Malaysia, anggota Gerakan Belia 4B dan pelajar Kolej Vokasional Klang telah menghadiri program ini.

Objektif program adalah untuk memberi pendedahan kepada generasi belia mengenai kepentingan berkoperasi serta membimbing generasi belia dalam aspek kepimpinan dalam gerakan koperasi.

Selain itu, ia juga membuka peluang kepada golongan muda untuk mengenal pasti peluang perniagaan serta melahirkan generasi yang

berdaya saing dalam menjalankan aktiviti perniagaan.

Slot pertama dimulakan dengan ceramah yang disampaikan oleh Tn. Sayed Amir Muzzakkir Al Aydrus, Pegawai Khas Menteri KPDNKK. Tajuk ceramah beliau ialah “**Kelebihan Bekerja Dalam Sektor Koperasi**”. Beliau telah memperkenalkan sektor koperasi kepada para peserta yang tidak mengenali koperasi sebelum ini serta memberikan beberapa input mengenai jenis-jenis perniagaan yang boleh diceburi dalam sektor koperasi. Pelbagai input yang bermanfaat telah disampaikan, antaranya mengenai peranan belia dalam koperasi dan peluang yang boleh diambil oleh belia untuk berdaya saing. Beliau turut menekankan bahawa belia harus mengambil inisiatif untuk melakukan perubahan dalam diri dan seterusnya bermotivasi untuk melakukan yang terbaik demi masa depan koperasi.

Slot kedua pula disampaikan oleh En. Suhail bin Mohamed Kamaruddin, Ahli Parlimen Belia Malaysia dengan ceramah yang bertajuk **“Kepimpinan Belia Dalam Sektor Koperasi”**. Antara input bermanfaat yang telah dikongsikan adalah mengenai strategi kepimpinan dalam sektor koperasi. Para belia juga disarankan untuk lebih menampilkan sifat-sifat kepimpinan dalam diri seterusnya berkecimpung di sektor koperasi. Beliau menegaskan perlunya pemimpin dan pengikut dalam sektor koperasi bagi menjamin pertumbuhan yang sihat.



**Tn. Sayed Amir Muzakkir Al Aydrus, Pegawai Khas Menteri menyampaikan ceramah slot pertama**

Slot ketiga disampaikan oleh En. Mohd Nazri bin Mohd Saad, Pegawai Eksekutif INSKEN bertajuk **“Usahawan Muda Penjana Pendapatan Koperasi”**. Penceramah menceritakan pentingnya menyemai prinsip keusahawanaan dalam diri masing-masing bagi memajukan diri dan koperasi. Beliau turut menyenaraikan sifat-sifat seorang usahawan dan cara hendak memajukan diri.

Secara keseluruhannya, Sembang Santai: Belia Penggerak Koperasi dilihat berjaya mencapai objektif yang diinginkan. Semoga program seperti ini dapat diteruskan dan menjadi satu platform yang berkesan dalam melahirkan usahawan belia yang dapat melibatkan diri dalam bidang koperasi.

Maklum balas positif yang diperoleh daripada para peserta juga boleh diambil sebagai penanda aras agar program yang diadakan kelak berjaya memberi manfaat kepada golongan sasaran. Diharapkan segala ilmu yang disampaikan oleh penceramah dalam program ini dapat dipraktikkan sepenuhnya serta dapat memupuk semangat golongan belia untuk terus melibatkan diri dalam sektor koperasi secara aktif.



**Penceramah slot ketiga, En. Mohd Nazri bin Mohd. Saad dengan tajuk “Usahawan Muda Penjana Pendapatan Koperasi”**

# SENARAI PROGRAM LATIHAN MKM 2017

## Wajib 1

APRIL		
K(L) W11 Pengurusan Dan Pentadbiran Koperasi (Wajib 1)	03 – 04/04/2017 (2 hari)	Zon Utara
C(D) W11 Pengurusan Dan Pentadbiran Koperasi (Wajib 1)	03 – 04/04/2017 (2 hari)	Zon Timur
J(D) W11 Pengurusan Dan Pentadbiran Koperasi (Wajib 1)	03 – 04/04/2017 (2 hari)	Zon Selatan
M(L) W11 Pengurusan Dan Pentadbiran Koperasi (Wajib 1)	04 – 05/04/2017 (2 hari)	Klang, Zon Tengah
S(L) W11 Pengurusan Dan Pentadbiran Koperasi (Wajib 1)	04 – 05/04/2017 (2 hari)	Kudat, Zon Sabah
Q(L) W11 Pengurusan Dan Pentadbiran Koperasi (Wajib 1)	04 – 05/04/2017 (2 hari)	Sri Aman, Zon Sarawak
M(L) W11 Pengurusan Dan Pentadbiran Koperasi (Wajib 1)	11 – 12/04/2017 (2 hari)	Kajang, Zon Tengah
C(L) W11 Pengurusan Dan Pentadbiran Koperasi (Wajib 1)	11 – 12/04/2017 (2 hari)	Kota Bharu, Zon Timur
K(L) W11 Pengurusan Dan Pentadbiran Koperasi (Wajib 1)	12 – 13/04/2017 (2 hari)	Zon Utara
C(L) W11 Pengurusan Dan Pentadbiran Koperasi (Wajib 1)	19 – 20/04/2017 (2 hari)	Besut/Jerteh, Zon Timur
M(L) W11 Pengurusan Dan Pentadbiran Koperasi (Wajib 1)	25 – 26/04/2017 (2 hari)	Teluk Intan, Zon Tengah
K(L) W11 Pengurusan Dan Pentadbiran Koperasi (Wajib 1)	26 – 27/04/2017 (2 hari)	Zon Utara

## Wajib 2

APRIL		
K(D) W21 Pengurusan Kewangan Koperasi (Wajib 2)	03 – 04/04/2017 (2 hari)	Zon Utara
M(L) W21 Pengurusan Kewangan Koperasi (Wajib 2)	05 – 06/04/2017 (2 hari)	K. Selangor, Zon Tengah
Q(L) W21 Pengurusan Kewangan Koperasi (Wajib 2)	06 – 07/04/2017 (2 hari)	Sri Aman, Zon Sarawak
K(L) W21 Pengurusan Kewangan Koperasi (Wajib 2)	10 – 11/04/2017 (2 hari)	Zon Utara
S(L) W21 Pengurusan Kewangan Koperasi (Wajib 2)	11 – 12/04/2017 (2 hari)	FELDA Sahabat, Zon Sabah
J(L) W21 Pengurusan Kewangan Koperasi (Wajib 2)	12 – 13/04/2017 (2 hari)	N. Sembilan 1, Zon Selatan
M(D) W21 Pengurusan Kewangan Koperasi (Wajib 2)	17 – 18/04/2017 (2 hari)	Zon Tengah
C(L) W21 Pengurusan Kewangan Koperasi (Wajib 2)	19 – 20/04/2017 (2 hari)	Rompin, Zon Timur
J(D) W21 Pengurusan Kewangan Koperasi (Wajib 2)	26 – 27/04/2017 (2 hari)	Zon Selatan

### Wajib 3

APRIL		
C(D) W31 Pengurusan Strategik (Wajib 3)	05 – 06/04/2017 (2 hari)	Zon Timur
S(L) W31 Pengurusan Strategik (Wajib 3)	06 – 07/04/2017 (2 hari)	Kudat, Zon Sabah
K(L) W31 Pengurusan Strategik (Wajib 3)	10 – 11/04/2017 (2 hari)	Zon Utara
J(L) W31 Pengurusan Strategik (Wajib 3)	10 – 11/04/2017 (2 hari)	Kota Tinggi, Zon Selatan
Q(L) W31 Pengurusan Strategik (Wajib 3)	18 – 19/04/2017 (2 hari)	Serian, Zon Sarawak
M(L) W31 Pengurusan Strategik (Wajib 3)	19 – 20/04/2017 (2 hari)	Sri Iskandar, Zon Tengah
J(D) W31 Pengurusan Strategik (Wajib 3)	19 – 20/04/2017 (2 hari)	Zon Selatan
J(L) W31 Pengurusan Strategik (Wajib 3)	24 – 25/04/2017 (2 hari)	Melaka 1, Zon Selatan
C(L) W31 Pengurusan Strategik (Wajib 3)	25 – 26/04/2017 (2 hari)	Kota Bharu, Zon Timur
K(L) W31 Pengurusan Strategik (Wajib 3)	26 – 27/04/2017 (2 hari)	Zon Utara
J(L) WJ1 Tatacara Pengauditan Dan Perakaunan Koperasi (Wajib JAD)	05 – 06/04/2017 (2 hari)	Melaka 1, Zon Selatan
Q(L) WJ1 Tatacara Pengauditan Dan Perakaunan Koperasi (Wajib JAD)	18 – 19/04/2017 (2 hari)	Sibu, Zon Sarawak
J(L) WJ1 Tatacara Pengauditan Dan Perakaunan Koperasi (Wajib JAD)	19 – 20/04/2017 (2 hari)	Kluang, Zon Selatan
C(D) WJ1 Tatacara Pengauditan Dan Perakaunan Koperasi (Wajib JAD)	24 – 25/04/2017 (2 hari)	Zon Timur

# VLMS

VIDEO LEARNING MANAGEMENT SYSTEM



MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

MKM



## KURSUS WAJIB KOPERASI SECARA ONLINE

### MODEN

- Menggunakan pelbagai teknologi komunikasi moden.
- Mudah digunakan dan mesra pengguna.

### PENINGKATAN KUALITI

- Penumpuan yang tinggi dapat meningkatkan pengetahuan.
- Interaksi secara online membantu meningkatkan pemahaman.

### MUDAH DAN JIMAT

- Menjimatkan masa dan kos.

### TANPA SEMPADAN

- Boleh diakses tanpa mengira masa dan tempat melalui perkhidmatan Internet.



## LATIHAN INOVATIF KOPERASI PROGRESIF

<http://vlms.mkm.edu.my>



<http://www.mkm.edu.my>



[admin\\_vlms@mkm.edu.my](mailto:admin_vlms@mkm.edu.my)



Pusat ICT-MKM



03-79649 055/051/170/057

# Maktab Koperasi Malaysia

## Kampus Induk

Maktab Koperasi Malaysia  
103, Jalan Templer,  
46700 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan  
e-mel: mkm@edu.my  
Tel: 03-7964 9000 Faks: 03-7957 0434  
Laman web: <http://www.mkm.edu.my>

## Pusat Pembangunan Komuniti

No. 21, Jalan Selangor,  
Seksyen 6 46050 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03 - 7952 4500  
Faks: 03 - 7955 0863  
e-mel: [ppt@mkm.edu.my](mailto:ppt@mkm.edu.my)

## MKM Zon Sabah

Tingkat 5, Menara MAA,  
Lorong 6 Api Api 1,  
Kota Kinabalu  
88000, Sabah  
e-mel: [mkmsabah@edu.my](mailto:mkmsabah@edu.my)  
Tel : 088 - 240 812  
Faks: 088 - 241 802

## MKM Zon Sarawak

Bangunan Rugayah,  
Jalan Song Thian Cheok,  
Peti Surat B241  
93100 Kuching, Sarawak  
e-mel: [mkmsarawak@edu.my](mailto:mkmsarawak@edu.my)  
Tel: 082 - 230 409  
Faks: 082 - 230 405

## MKM Zon Utara

No. 1515, Wisma KGMKB  
Jalan Tunku Ibrahim,  
05000 Alor Setar,  
Kedah Darul Aman  
e-mel: [mkmcutara@edu.my](mailto:mkmcutara@edu.my)  
Tel: 04 - 733 7527  
Faks: 04 - 733 7532

## MKM Zon Timur

Kompleks Inkubator,  
Indera Mahkota 14,  
Bandar Indera Mahkota  
25200 Kuantan,  
Pahang Darul Makmur  
e-mel: [mkmctimur@edu.my](mailto:mkmctimur@edu.my)  
Tel: 09 - 573 2449  
Faks: 09 - 573 2405

## MKM Zon Selatan

Tingkat 1, Bangunan Kerjasama,  
Jalan Dhoby,  
80000 Johor Bahru,  
Johor Darul Takzim  
e-mel: [mkmcselatan@edu.my](mailto:mkmcselatan@edu.my)  
Tel: 07 - 2262 119  
Faks: 07 - 2262 125

## Kolej iCoop

No. 21, Jalan Selangor,  
Seksyen 6 46050 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03 - 7952 4500  
Faks: 03 - 7955 0863  
e-mel: [infor@icoop.edu.my](mailto:infor@icoop.edu.my)(Kolej iCoop)

[www.mkm.edu.my](http://www.mkm.edu.my)



maktabkoperasimalaysia



Maktab\_Koperasi



Maktab\_Koperasi\_Malaysia